

Promosi " DIGITAL DAY"

Dikemaskini pada 11 Julai 2017

TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB")'s dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) ("Promosi") "Digital DAY" adalah untuk Hong Leong Connect, cawangan-cawangan HLB/HLISB, Pusat Mortgage HLB, HLB Pemasaran, Pasukan Jualan Langsung Kredit Kad dan Pinjaman Peribadi HLB ("Rangkaian Aktif") Promosi ini merangkumi deposit tetap/-i dalam talian, IBG & pindahan segera, akaun semasa & simpanan/-i ("CASA/-i"), kad debit/-i, deposit tetap/-i, bankkaassurans, kad kredit, pinjaman/pembiayaan peribadi atas talian, pinjaman/pembiayaan auto, pinjaman/pembiayaan hartanah, pindahan telegraf (TT), pinjaman/pembiayaan peribadi dan promosi pembiayaan margin saham. Promosi akan dilancarkan pada 07 Julai 2017 hingga 13 Julai 2017 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Promosi") melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB dan HLISB secara kolektif dikenali sebagai "Bank".

TERMA & SYARAT ("T&S")

TAWARAN DALAM TALIAN: NIKMATI KOS SIFAR SELAMA 7 HARI UNTUK IBG & PINDAHAN SEGERA DENGAN HONG LEONG CONNECT ("PROMOSI KOS SIFAR UNTUK IBG & PINDAHAN SEGERA")

KELAYAKAN

1. Promosi Kos Sifar untuk IBG & Pindahan Segera ("Instant Transfer") ini terbuka kepada semua pengguna sedia ada dan pengguna baru Hong Leong Connect semasa Tempoh Promosi ("Pelanggan yang Layak IBG & Pindahan Segera")

MEKANISMA

2. Tiada borang penyertaan pertandingan atau pendaftaran bagi menyertai Promosi Kos Sifar untuk IBG & Pindahan Segera ini.
3. Pelanggan yang layak IBG & Pindahan Segera berhak untuk menikmati pelepasan fi bagi sebarang transaksi "Interbank" GIRO ("IBG") dan/atau Dana Pindahan Segera Bank ("Instant Transfer") termasuk transaksi arahan tetap ("SI") bagi sebarang amaun pindahan tertakluk pada jumlah had pindahan harian dana "interbank" ("selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "Pelepasan Fi")

Tiada	Keterangan / Perkhidmatan	Caj / Fi	GST (6%)	Caj/Fi semasa Tempoh Promosi
1	Transaksi melalui GIRO (IBG)	RM 0.10 setiap pindahan	RM 0.10	PERCUMA
2	Transaksi Pindahan Segera (Instant Transfer)	RM 0.50 setiap pindahan	RM 0.03	PERCUMA

4. Untuk tujuan Promosi Kos Sifar untuk IBG & Pindahan Segera ini, maksima pelepasan fi bagi transaksi bayaran hendaklah dihadkan pada RM200,000 maksimum ("Had Pelepasan Fi") atas dasar siapa cepat dia dapat. Tanpa mengira sebarang kenyataan selepas ini, tiada Pelepasan Fi lanjutan akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak IBG & Pindahan Segera sebaik sahaja Had Pelepasan Fi tercapai.
5. Pelanggan yang Layak IBG & Pindahan Segera boleh melakukan berbilang pindahan dana tertakluk pada jumlah had pindahan harian dana "interbank" melalui IBG dan/atau Pindahan Segera sepanjang Tempoh Promosi melalui: Connect dalam talian, Connect Mobile dan/atau Connect Tablet dan akan diberi ganjaran Pelepasan Fi, tertakluk pada ketersediaan Had

Pelepasan Fi dan atas dasar siapa cepat dia dapat.

6. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai apa juga kawalan ke atas kesesakan trafik, rangkaian atau kegagalan sambungan internet dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh pembekal perkhidmatan telekomunikasi ("Telco") yang mengakibatkan kelewatan pindahan dana melalui IBG dan/atau Pindahan Segera semasa Tempoh Promosi.

TAWARAN DALAM TALIAN: KADAR EKSKLUSIF FOREX BAGI TT DALAM TALIAN UNTUK 7 HARI ("PROMOSI TT")

KELAYAKAN

7. "TT" bermaksud dana yang telah didenominasi dalam mata wang asing dan dikirim ke bank/agen di luar Malaysia.
8. Promosi TT terbuka kepada pelanggan individu (warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia) dan bukan individu yang baru dan sedia ada di HLB yang telah memenuhi Kelayakan Promosi TT seperti yang dinyatakan dalam klausa 12 dalam T&S di bawah ("Pelanggan TT Yang Layak), melainkan dinyatakan sebaliknya.
9. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - i. Pelanggan individu HLB termasuk pelanggan yang berdaftar sebagai pengguna Connect HLB;
 - ii. Pelanggan bukan individu HLB merujuk kepada persatuan, pemilikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat sendirian berhad (perusahaan kecil dan sederhana mikro yang tidak berasaskan pembuatan) yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan berjumlah Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5 juta) dan ke bawah;
 - iii. HLB boleh memutuskan untuk mengecualikan mana-mana pihak lain (sama ada pelanggan individu atau bukan individu) daripada menyertai Promosi TT atas hak dan budi bicara mutlak tanpa sebarang sebab
10. Semua transaksi kiriman wang mesti dibuat dalam bentuk Ringgit Malaysia (RM) dan ditukarkan pada kadar tukaran wang semasa HLB dan Promosi TT ini juga boleh didapati di cawangan-cawangan Bank semasa Tempoh Promosi. Pengiriman wang melalui TT mestilah dilakukan dalam Ringgit Malaysia dan ditukarkan mengikut kadar tukaran mata wang asing semasa HLB.
11. Penyertaan dalam Promosi TT ini adalah tertakluk pada T&S yang dinyatakan di sini serta Terma & Syarat umum yang tercatat pada Borang Kiriman Wang HLB.

MEKANISMA

12. Pelanggan HLB boleh mendapatkan kadar eksklusif pengiriman wang seperti yang ditetapkan oleh HLB apabila mereka melakukan transaksi TT dalam talian melalui Connect dan/atau di cawangan-cawangan HLB atau penukaran FCA (Akaun Matawang Asing) semasa deposit dan pengeluaran dalam Tempoh Promosi ("Tawaran Kiriman Wang") Bagi mengelak sebarang keraguan, Tawaran Kiriman Wang adalah tidak terhad sepanjang Tempoh Promosi.
13. Tawaran Kiriman Wang hanya boleh diguna pakai semasa Tempoh Promosi.
14. Dana pengiriman perlulah didebit dari mana-mana akaun HLB untuk melayakkan penyertaan dalam Promosi ini. Transaksi tunai di cawangan HLB tanpa didebit dari mana-mana akaun HLB adalah tidak layak untuk menyertai Promosi ini.

TAWARAN DALAM TALIAN: PROMOSI 7-BULAN DEPOSIT TETAP DALAM TALIAN / DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN ("PROMOSI FD DALAM TALIAN")

"Promosi 7 Bulan Deposit Tetap Dalam Talian / Deposit-i Tetap-i Dalam Talian" ("Promosi FD Dalam Talian") bermula semasa Tempoh Promosi atau ketika mencapai saiz dana yang ditetapkan oleh Bank, yang mana terdahulu, melainkan diberitahu sebaliknya

KELAYAKAN

15. Promosi FD Dalam Talian ini terbuka kepada individu yang merupakan pemegang akaun HLB/HLISB Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i ("CASA/CASA-i) dan sesiapa yang telah mendaftar untuk Hong Leong Connect. Untuk mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersama CASA / CASA-i TIDAK berhak untuk membuka atau mengendali Deposit Tetap Dalam Talian / Depositi Tetap-i Dalam Talian ("eFD / eFD-i") and TIDAK berhak untuk menyertai Promosi FD Dalam Talian ini.
16. Milikan tunggal, perkongsian, praktis profesional, kelab, pertubuhan, persatuan, sekolah, koperasi, pertubuhan bukan untung dan entiti perniagaan lain adalah TIDAK layak untuk membuka atau mengendali eFD / eFD-i dan TIDAK layak untuk menyertai Promosi FD Dalam Talian ini. Untuk mengelakkan keraguan, pemegang akaun yang merupakan pelanggan kepada peguam cara juga adalah TIDAK layak untuk membuka atau mengendali eFD / eFD-i dan oleh itu tidak layak untuk menyertai Promosi FD Dalam Talian ini.
17. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB / HLISB atau telah diisytihar bakrap atau tertakluk kepada mana-mana prosiding kebangkrutan pada mana-mana waktu sebelum atau semasa Tempoh Promosi dan sehingga 13 Julai 2017 adalah TIDAK layak untuk menyertai atau dihilangkan kelayakannya serta merta daripada menyertai Promosi.
18. Pelanggan yang telah melakukan, atau telah dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi untuk melakukan mana-mana perbuatan salah yang telah ditetapkan di sini akan dihilangkan kelayakannya dengan serta merta daripada menyertai Promosi FD Dalam Talian ini.

MEKANISMA

19. Bagi tujuan Promosi FD Dalam Talian ini, semua peletakan deposit mestilah daripada dana yang dipindahkan dari bank lain melalui "Financial Process Exchange" ("FPX") FPX adalah cara bayaran dalam talian yang selamat dan dalam masa sebenar yang memudahkan pemindahan dana. FPX tidak dimiliki oleh HLB/HLISB. FPX dikendalikan oleh "Malaysian Electronic Clearing Corporation" ("MyClear"), anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia. Maklumat lanjut boleh dilihat di <http://www.myclear.org.my/personal-fpx.html>
20. Pelanggan yang telah membuat peletakan deposit antara Peletakan Amaun Minima eFD / eFD-i sehingga Peletakan Amaun Maksima eFD / eFD-i ("Amaun eFD / eFD-i") ke dalam eFD / eFD-i baru atau sedia ada berkenaan bagi tempoh eFD / eFD-i seperti yang ditetapkan semasa Tempoh Promosi adalah berhak ke atas Kadar Promosi eFD / eFD-i berikut ("Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian")

Tempoh eFD / eFD-i	Promosi eFD / Kadar eFD-i	eFD / Kadar eFD-i	Amaun Peletakan Minima eFD / eFD-i	Amaun Peletakan Maksima eFD / eFD-i
7 bulan	4.17% setahun	4.17% setahun	RM10,000	RM2,000,000

21. Amaun deposit maksima bagi setiap transaksi melalui pindahan FPX adalah Tiga Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM30,000) atau bergantung pada penetapan amaun maksima / had pindahan dalam perbankan internet individu pelanggan dengan bank yang berkaitan, mengikut mana yang lebih rendah. Sekiranya

berlaku peletakan amaun eFD / eFD-i oleh Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian semasa Tempoh Promosi melebihi Amaun Peletakan Maksima eFD /eFD-i yang ditetapkan, Amaun eFD / eFD-i yang melebihi had akan tertakluk pada kadar tukaran semasa eFD / eFD-i

22. Kadar Promosi eFD / eFD-i disediakan untuk Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian bagi peletakan yang dibuat melalui Hong Leong Connect semasa Tempoh Promosi antara jam 6.00 pagi dan 11 malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang ditentukan oleh HLB / HLISB di Hong Leong Connect.
23. Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian dikehendaki untuk menamakan Akaun CASA / CASA-i yang dikekalkan di HLB / HLISB di bawah nama individu Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian ("CASA / CASA-i yang Dinamakan") bagi tujuan pengkreditan faedah/keuntungan yang diperolehi daripada Promosi FD Dalam Talian. Faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i yang dinamakan Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian secara bulanan.
24. Setelah matang, Amaun prinsipal eFD / eFD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD / eFD-i berkenaan.
25. Sekiranya berlaku pengeluaran Amaun eFD / eFD-i sebelum tempoh matang eFD / eFD-i, berdasarkan undang-undang Persatuan Bank Bank Malaysia ("ABM"), Seksyen E (v) (bagi eFD) dan/atau Terma dan Syarat untuk Deposit Tetap-i Hong Leong Seksyen 2.15 (bagi eFD-i) akan diaplikasikan:
 - (a) Tiada faedah/keuntungan akan dibayar pada mana mana Amaun eFD / eFD-i yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
Sekiranya berlaku pengeluaran eFD / eFD-i dalam bulan keempat dan seterusnya, Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian akan menerima faedah/keuntungan bersamaan dengan 50% daripada kontrak Amaun eFD / eFD-i hanya bagi bulan-bulan genap tempoh sahaja
HLB / HLISB berhak untuk menolak dan memotong amaun bersamaan dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian jika Amaun eFD / eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, daripada Amaun pokok eFD / eFD-i semasa pengeluaran.

Pelanggan HLISB akan dianggap bersetuju untuk melepaskan hak tuntutan jualan harga penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.
26. Pengeluaran separa Amaun eFD / eFD-i adalah tidak dibenarkan.
27. Amaun eFD / eFD-i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk menjamin kemudahan kredit yang diperolehi atau yang akan diperolehi Pelanggan yang Layak FD Dalam Talian.

TAWARAN DALAM TALIAN: PROMOSI KAD KREDIT/DEBIT BERSAMA GRAB ("PROMOSI GRAB")

KELAYAKAN

28. Promosi Grab ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit dan Debit Hong Leong ("Pemegang Kad Hong Leong") bersama Kad Debit dan Kad Kredit HLB termasuk Kad Kredit dan Debit Mach, Kad Debit-i Hong Leong Islamic yang dikeluarkan oleh Bank ("Kad Hong Leong")

MEKANISMA

29. Bayaran perlu dibuat menggunakan Kad Hong Leong yang sah dan pemegang Kad Hong Leong hendaklah muat turun aplikasi Grab di telefon bimbit dan/atau peralatan elektronik mereka. HLB/HLISB tidak akan bertanggung jawab sekiranya telefon bimbit dan/atau peralatan elektronik Pemegang Kad Hong Leong tidak dapat menyokong aplikasi Grab dan gagal untuk menyertai Promosi Grab.

30. Pemegang Kad HLB boleh menikmati potongan RM7 bagi 2 perjalanan Grab dan ianya terhad kepada 10,000 penebusan pertama sahaja ("Penebusan Grab") Pemegang Kad Hong Leong perlu memasukkan kod promo "HLBDD77" dan kod promo ini tidak sah digunakan bersama promosi lain. HLB tidak akan bertanggung jawab sekiranya Pemegang Kad Hong Leong memasukkan kod promo yang salah atas apa apa sebab dan sebarang tuntutan bayaran balik bagi Penebusan Grab tidak akan dilayan oleh HLB/HLISB.
31. Penebusan Grab hanya sah untuk GrabCar, GrabCar+ dan GrabTeksi pengambilan/penghantaran dari/ke kawasan liputan sahaja.
32. Jika tambang adalah kurang daripada amaun Penebusan Grab, tiada bayaran balik untuk perbezaan tambang. Jika tambang adalah lebih daripada amaun Penebusan Grab, tambang tambahan akan dicaj pada Pemegang Kad Hong Leong.
33. Tempahan yang dibatalkan (sama ada oleh penumpang atau pemandu) akan memansuhkan penyertaan Penebusan Grab.
34. Diskaun Penebusan Grab hanya dianggap berjaya ditebus setelah pesanan SMS dan/atau dalam aplikasi berkenaan diterima (selepas sistem berjaya mengagihkan sebuah kereta)
35. Grab mempunyai hak mutlak untuk mengeluarkan, memindahkan dan/atau mengubah mana mana bahagian terma dan syarat berkenaan promosi pada bila bila masa tanpa notis awal kepada Pemegang Kad Hong Leong dan Pemegang Kad Hong Leong bersetuju untuk terikat dengan perubahan tersebut.
36. Grab tidak bertanggung jawab atas sebarang tuntutan oleh Pemegang Kad Hong Leong atau tuntutan pihak ketiga atau kehilangan apa apa, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kerugian keuntungan, punitif, tidak langsung, khusus, sampingan, atau kerosakan berbangkit atau kerosakan lain dan sebarang tuntutan yang berkaitan, termasuk secara langsung, tidak langsung, pihak ketiga, berbangkit atau kerosakan lain akibat daripada atau berkaitan dengan Promosi Grab.
37. Bank tidak bersekutu dengan Grab dan tidak mewakili atau menjamin dalam Pemegang Kad Hong Leong perlu menggunakan kos dan perbelanjaan sendiri berurusan secara langsung dengan Grab bagi sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Promosi Grab tanpa bantuan Bank.

TAWARAN DALAM TALIAN: PULANGAN TUNAI 7% KAD KREDIT BELANJA DALAM TALIAN ("PROMOSI PULANGAN TUNAI BELANJA DALAM TALIAN")

KELAYAKAN

38. Promosi Pulangan Tunai Belanja Dalam Talian terbuka kepada SEMUA Pemegang Kad Kredit Hong Leong termasuk Pemegang Kad Kredit MACH yang dikeluarkan oleh Hong Leong Bank ("Pemegang Kad Kredit")
39. Untuk mengelakkan keraguan, yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi Pulangan Tunai Belanja Dalam Talian:
 - a) Pemegang Kad Kredit yang terikat atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, menyalahi undang undang atau salah laku berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh HLB atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen sama ada oleh bank atau pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang dakwaan mufliis pada bila bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; atau

- b) Pemegang Kad Kredit yang terikat, mempunyai potensi untuk terlibat dalam salah laku yang dinyatakan di sini; hendaklah dibatalkan penyertaannya serta merta dari Promosi Pulangan Tunai Belanja Dalam Talian.

MEKANISMA

40. Untuk menyertai Promosi Pulangan Tunai Belanja Dalam Talian ini, Pemegang Kad Kredit hanya perlu membelanjakan RM70.00 minima dalam satu transaksi menggunakan Kad Kredit HLB mereka di mana mana transaksi runcit dalam talian yang layak ("Belanja Dalam Talian yang Layak") semasa Tempoh Promosi ("Pemegang Kad Kredit yang Layak")
41. Belanja Dalam Talian yang Layak hendaklah berbentuk transaksi pembelian barangan dan perkhidmatan melalui internet bertujuan untuk kegunaan peribadi sahaja dan bukan untuk tujuan perniagaan dalam sebarang matawang tempatan dan/atau matawang asing dan tidak boleh melibatkan mana mana yang berikutan:
- i) Bayaran dalam talian untuk bil, insuran, takaful dan apa apa perkhidmatan
 - ii) Transaksi Tunai Quasi - (contoh: bertaruh dan/atau transaksi permainan dalam talian);
 - iii) Arahan tetap seperti bil automatik;
 - iv) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi gantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi lain, caj atau penalti sama ada dikenakan oleh HLB atau sebaliknya;
 - v) Pendahuluan tunai/pengeluaran/transaksi deposit/pindahan dana; dan
 - vi) Kelayakan Belanja Dalam Talian yang Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, dipertikaikan, transaksi yang tidak diluluskan atau transaksi penipuan.
42. Apa-apa yang telah ditetapkan oleh HLB sebagai Kelayakan Belanja Dalam Talian adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam apa cara sekalipun.
43. Apabila Pemegang Kredit Kad yang Layak memenuhi syarat Kelayakan Belanja Dalam Talian di atas, mereka berpeluang menerima 7% Pulangan Tunai atas Kelayakan Belanja Dalam Talian yang dibuat sepanjang Tempoh Promosi ("Pulangan Tunai Dalam Talian")
44. Pulangan Tunai Dalam Talian akan diberikan kepada Pemegang Kredit Kad yang Layak atas dasar siapa cepat dia dapat bergantung kepada peruntukan Pulangan Tunai Dalam Talian berjumlah RM40,000 dan Pulangan Tunai Dalam Talian maksimum berjumlah RM70 untuk satu Pemegang Kredit Kad yang layak untuk Pulangan Tunai Belanja Dalam Talian ini.

Tempoh Kempen	Tabung Pulangan Tunai Dalam Talian Harian
7 Julai 2017	RM40,000
8 Julai 2017	RM40,000
9 Julai 2017	RM40,000
10 Julai 2017	RM40,000
11 Julai 2017	RM40,000
12 Julai 2017	RM40,000
13 Julai 2017	RM40,000

45. Setiap Pemegang Kad Kredit yang Layak hanya layak untuk satu (1) Pulangan Tunai Dalam Talian untuk Promosi Pulangan Tunai Belanja Dalam Talian ini dan akan diberikan kepada Pemegang Kredit Kad Prinsipal.

46. Pulangan Tunai Dalam Talian yang diberikan akan dikreditkan dalam masa 8 minggu selepas Tempoh Promosi ke dalam Akaun Kredit Kad HLB Pemegang Kredit Kad yang Layak yang digunakan Kelayakan Belanja Atas Talian dan HLB akan memberitahu Pemegang Kredit Kad yang Layak mengenai kelayakan untuk Pulangan Tunai Dalam Talian melalui SMS dan / atau laman web HLB Pemegang Kredit Kad yang Layak akan memberitahu HLB dalam bentuk tulisan dalam masa 30 hari selepas pengumuman kelayakan (8 minggu selepas Tempoh Promosi) Pulangan Tunai Dalam Talian oleh HLB, sekiranya gagal Pemegang Kredit Kad yang Layak adalah dianggap telah menerima Pulangan Tunai Dalam Talian dan sebarang permohonan untuk pembayaran untuk Pulangan Dalam Talian tidak akan dilayan oleh HLB.
47. Pulangan Tunai Dalam Talian tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan mana-mana permohonan untuk mengkredit Pulangan Tunai Dalam Talian ke dalam mana-mana Akaun Kredit Kad HLB yang lain (untuk Pemegang Kredit Kad yang Layak yang memiliki lebih dari satu (1) Kredit Kad HLB) tidak akan dilayan.
48. Pengesanan Belanja Dalam Talian yang Layak akan berdasarkan tarikh dan masa transaksi berdasarkan Waktu Malaysia yang berjaya dipaparkan di sistem HLB sepanjang Tempoh Promosi dan HLB mempunyai hak untuk menentukan sekiranya transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kredit Kad yang Layak adalah Belanja Dalam Talian yang Layak.

TAWARAN DALAM TALIAN: 7% Kad Debit /-i Pulangan Tunai ("Promosi Pulangan Dalam Talian")

KELAYAKAN

49. Promosi Pulangan Tunai ini adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang merupakan Pemegang Kad Debit HLB individu termasuk Kad Debit Mach yang dikeluarkan oleh HLB dan Kad Debit -i oleh HLISB ("Pemegang Kad Debit ")
50. Untuk mengelakkan keraguan, Promosi Pulangan Tunai ini TIDAK terpakai kepada pelanggan bukan individu termasuk syarikat, badan korporat, milikan tunggal, perkongsian dan praktis profesional.
51. Promosi Pulangan Tunai TIDAK layak disertai oleh yang berikut:
 - a. Pemegang Kad Debit HLB/HLISB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - b. Akaun Kad Debit Pemegang Kad Debit yang TIDAK dalam kedudukan yang baik, ditag kepada Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan ("CASA/i") yang ditutup atau tidak aktif atau melanggar sebarang terma dan syarat HLB/HLISB mengenai akaun yang berkaitan pada mana-mana waktu semasa Tempoh Promosi;
 - c. Akaun Kad Debit /-i Pemegang Kad Debit yang dipercayai digunakan untuk penipuan, melanggar undang-undang dan/atau Kad Debit /-i mereka tidak sah atau dibatalkan menurut definisi Bank pada mana-mana waktu sebelum atau semasa Tempoh Promosi sehingga lapan (8) minggu selepas Tempoh Promosi tamat;
 - d. Pelanggan Perbankan Khusus HLB; dan
 - e. Pemegang Kad Debit yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang berkaitan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau telah diisytihar muflis (menurut petisyen sama ada bank atau pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang dakwaan muflis pada bila bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi

MEKANISMA

52. Pemegang Kad Debit yang membuat sebarang perbelanjaan runcit dalam talian yang layak ("Belanja Dalam Talian") dengan Kad Debit /-i HLB/HLISB mereka sepanjang Tempoh Promosi akan layak untuk 7% Pulangan Tunai ("Pulangan Tunai").

53. Belanja Dalam Talian merujuk kepada transaksi belian barang dan servis melalui internet untuk kegunaan peribadi yang dibuat hanya dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau matawang asing dan bukan untuk tujuan perniagaan. Belanja Dalam Talian yang dibuat dalam matawang selain RM akan ditukar dan dikira dalam RM berdasarkan kadar tukaran yang ditetapkan oleh HLB/HLISB pada waktu transaksi tersebut berlaku. Untuk mengelakkan keraguan HLB/HLISB berhak untuk menentukan sebarang transaksi belian yang termasuk dalam definisi Belanja Dalam Talian dan sebarang permohonan berkenaan dengan keputusan HLB/HLISB tidak akan dilayan.
54. Transaksi berikut adalah dikecualikan daripada Belanja Dalam Talian:
- Transaksi pemulangan semula, dipertikai, tidak berjaya, ditarik balik, tidak diluluskan dan palsu
 - Pembayaran FiPengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit /-i;
 - Apa-apa bentuk servis atau fi pelbagai yang dikenakan oleh HLB/HLISB (termasuk Caj Penalti untuk HLB).
55. Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh HLB untuk Kad Debit HLB untuk Promosi Pulangan Tunai ini dihadkan pada Seratus Empat Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM140,000.00) sementara itu Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh HLISB untuk Kad Debit-i HLISB dihadkan pada Tiga Puluh Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM35,000.00) hanya sepanjang Tempoh Promosi, atas dasar siapa cepat dia dapat.
56. Untuk mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai dihadkan maksimum pada Tujuh Puluh Ringgit Malaysia (RM70.00) sahaja sepanjang Tempoh Promosi untuk setiap Pemegang Kad Debit.
57. Setiap Pemegang Kad Debit hanya layak untuk satu (1) kali Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi.
58. Contoh jadual kelayakan Pulangan Tunai adalah seperti berikut:

a. Pemegang Kad Debit

Tarikh Belanja Dalam Talian yang Berjaya	Jumlah Belanja Dalam Talian	Kelayakan 7% Pulangan Tunai
7 Julai 2017	RM90.00	RM6.30
7 Julai 2017	RM50.00	RM3.50
8 Julai 2017	RM150.00	RM10.50
9 Julai 2017	RM100.00	RM7.00
10 Julai 2017	RM50.00	RM3.50
10 Julai 2017	RM90.00	RM6.30
11 Julai 2017	RM86.00	RM6.02
12 Julai 2017	RM200.00	RM14.00
13 Julai 2017	RM30.00	RM2.10
Jumlah Pulangan Tunai		RM59.22

* Hanya satu (1) kali Pulangan Tunai dan dihadkan pada maksimum RM70.00 sepanjang Tempoh Promosi

59. Tiada pendaftaran penyertaan diperlukan.
60. Untuk mengelakkan keraguan, hanya Belanja Dalam Talian yang berjaya dipaparkan dan dipantulkan dalam sistem dan rekod HLB/HLISB dengan jumlah Belanja Dalam Talian berkenaan berjaya didebit daripada Pemegang Akaun CASA/-i akan layak untuk Pulangan Tunai.
61. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kegagalan atau kelewatan pengaliran dan/atau pemantulan dalam Pemegang Kad Debit CASA/-i atas Belanja Dalam Talian berkenaan yang mana menyebabkan Pemegang Kad Debit dikecualikan daripada Promosi.

62. Pemegang Kad Debit/-i bersama CASA/-i mestilah kekal sah, aktif dan terbuka pada setiap masa, kegagalan akan menyebabkan kelayakan ditolak untuk Pulangan Tunai.
63. Pemegang Debit Kad yang layak akan dimaklum oleh HLB/HLISB dalam bentuk Sistem Pesanan Ringkas ("SMS"), atau paparan senarai Pemegang Kad Debit yang layak dalam laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB"), dan/ atau dalam sebarang kaedah yang dianggap sesuai oleh HLB/HLISB dalam masa lapan (8) minggu selepas Tempoh Promosi berakhir. Ini adalah tanggungjawab Pemegang Kad Debit untuk membekalkan nombor telefon mudah alih mereka yang terbaru, tepat dan sah dan HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab ke atas notifikasi SMS yang tidak diterima oleh Pemegang Debit Kad atas apa sebab sekalipun.
64. Pemegang Debit Kad yang tidak menerima notifikasi daripada HLB/HLISB dalam masa lapan (8) minggu selepas Tempoh Promosi tamat adalah dikira sebagai TIDAK layak untuk Pulangan Tunai.
65. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pemegang Kad Debit yang layak dalam masa lapan (8) minggu selepas Tempoh Promosi tamat dan transaksi tersebut akan dipantulkan di didalam penyata CASA/-i Pemegang Kad Debit.
66. Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, Pemegang Kad Debit yang layak bertanggungjawab memaklum HLB/HLISB dalam bentuk bertulis tidak lebih daripada satu (1) bulan kalendar daripada tarikh notifikasi daripada HLB/HLISB, sekiranya gagal, Pulangan Tunai dikira sebagai telah diterima oleh Pemegang Kad Debit yang layak dan HLB/HLISB tidak akan melayan sebarang tuntutan Pulangan Tunai yang tidak diterima oleh Pemegang Kad Debit selepas tamat tempoh yang disebut satu (1) bulan kalendar.
67. Perkhidmatan SMS untuk Promosi Pulangan Tunai ini dibekalkan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), pengeluar SMS yang dilantik secara formal oleh HLB/HLISB
68. Visual yang dipaparkan dalam bahan cetakan dan laman web adalah hanya bertujuan sebagai contoh sahaja. Sebarang alatan, aksesori atau perkakasan yang dipaparkan dalam visual bahan bergambar adalah untuk perhiasan sahaja dan tidak berbentuk sebahagian daripada Pulangan Tunai.
69. Pulangan Tunai tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada tunai pendahuluan, kredit, cek atau sebarang bentuk lain.

TAWARAN DALAM TALIAN: PROMOSI "PEMEROLEHAN DALAM TALIAN" KREDIT KAD HONG LEONG ("PROMOSI KREDIT KAD")

KELAYAKAN

70. Kempen Promosi Pemerolehan Dalam Talian Kad Hong Leong ("Promosi Kredit Kad") adalah terbuka kepada penyertaan oleh Pelanggan Kad Baru ("NTC") individu Malaysia yang memohon sebarang Kad Prinsipal Berkelayakan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan Kad Berkelayakan adalah dikeluarkan pada Tarikh Kelulusan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 72 di bawah ("Pemohon")

2 jenis permohonan kad	Dwi-kad (2 prinsipal kad)
Kad Berkelayakan	Memilih mana-mana 2 Kad Berkelayakan berikut
	<input type="checkbox"/> Sutera Platinum <input type="checkbox"/> "Essential" <input type="checkbox"/> "Gold" <input type="checkbox"/> "GSC Platinum"/"Gold" <input type="checkbox"/> "IM"

Bagi mengelakkan keraguan, untuk dwi-kad, kedua-dua Kad Berkelayakan mesti diluluskan agar pemohon dapat menikmati Hadiah Kredit Kad (seperti yang dinyatakan dalam Klausula 72)

Nota: Pemegang Kad NTC adalah pemegang kad baru yang tidak mempunyai sebarang Kredit Kad Prinsipal HLB sedia ada (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad) atau sesiapa yang memohon semula untuk Kad Berkelayakan yang diluluskan oleh HLB pada bila-bila masa selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan Kad Berkelayakan sedia ada)

71. Berikut tidak dianggap sebagai Pemegang Kad NTC dan TIDAK layak untuk Promosi Kredit Kad ini:
- Pemegang mana-mana Kad Kredit Prinsipal HLB sedia ada;
 - Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kredit Kad HLB yang sah dan/atau akaun kad kredit yang delinkuen;
 - Pemegang Kad yang telah membatalkan dan memohon semula sebagai pemegang kad prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan;
 - Pemegang Kad Debit yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang berkaitan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau telah diisytihar muflis (menurut petisyen sama ada bank atau pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang dakwaan muflis pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; dan
 - Pemegang kad individu bukan warganegara Malaysia.

MEKANISMA

72. Pemohon ialah:

- Sesiapa yang berjaya menghantarkan permohonan kredit kad dalam talian ("Permohonan") melalui www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") atau melalui am:pm Perbankan Mudah untuk dua Kad Berkelayakan (seperti yang telah ditentukan dalam jadual yang disertakan dalam Klausula 70 di atas dalam Tempoh Promosi);
- Sesiapa yang permohonan untuk Kad Berkelayakan yang diluluskan oleh HLB dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh kiriman permohonan ("Tarikh Kelulusan"); dan
- Sesiapa yang melakukan minimum TUJUH (7) Belanja Runcit (seperti yang dinyatakan di bawah) tanpa jumlah minimum menggunakan kedua-dua Kad Berkelayakan yang dikeluarkan di bawah Promosi Kad Kredit dalam masa ENAM PULUH (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Berkelayakan

Untuk mengelakkan keraguan, Belanja Runcit adalah seperti kriteria berikut:

- Belanja Runcit di sini termasuk belian runcit dan dalam talian, arahan tetap, 0% faedah Plan Mudah Bayar (EPP) dan Plan Ansuran Faedah Sifar (ZIIP) yang dijalankan secara tempatan dan antarabangsa.
- Belanja Runcit tidak termasuk tunai pendahuluan, Pindahan Baki (BT), Tunai-atas-Talian (COC), Talian-untuk-Tunai (CFC), Talian-untuk-Tunai "Plus" (CFC+), Pelan Bayaran Fleksibel (FPP), pindahan dana, fi dan caj yang dikenakan oleh HLB.

73. Pemohon yang telah memenuhi semua kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 72 di atas akan layak untuk Hadiah Kad Kredit berikut tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan ("Pemohon Kad Kredit Berkelayakan")

- Lenovo 3 Tab* –Tawaran1
7 unit sehari selama 7 hari sepanjang Tempoh Promosi
Dihadkan kepada 7 Pemohon Kad Kredit Berkelayakan pertama yang telah diluluskan atas dasar siapa cepat dia dapat
- Beg Bagasi 3-dalam-1 "Loop Quantum" - Tawaran 2
Pemohon Kad Kredit Berkelayakan seterusnya yang tidak mendapat Tawaran 1 atas dasar jaminan;

74. Pemohon Kad Kredit Berkelayakan juga layak untuk 1-tahun Pengecuaian Fi Tahunan sekiranya mereka membuat minimum SATU (1) Belanja Runcit menggunakan kedua-dua Kad Berkelayakan yang dikeluarkan di bawah Promosi Kad Kredit dalam masa EMPAT PULUH LIMA (45) hari daripada tarikh kelulusan Kad Berkelayakan HLB.
75. Untuk mengelakkan keraguan, menjadi tanggungjawab Pemohon untuk membekalkan dokumen penuh bagi tujuan permohonan Kad Berkelayakan, sekiranya gagal, HLB berhak menolak sebarang permohonan untuk Kad Berkelayakan.
76. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, koyakan, kerosakan atau kecurian Hadiah Kad Kredit dan sebarang permintaan untuk gantian Hadiah Kad Kredit tidak akan dilayan oleh HLB. Hadiah Kad Kredit adalah tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai pendahuluan, kredit, cek atau apa-apa bentuk.

TAWARAN DALAM TALIAN: PULANGAN TUNAI 70% DAN DAPATKAN PELUANG UNTUK MEMENANGI "IPHONE" 7 (PRODUK) MERAH PERMOHONAN DALAM TALIAN BAGI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI ("PROMOSI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI DALAM TALIAN")

KELAYAKAN

77. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian terbuka kepada semua individu Malaysia yang memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB / Pembiayaan Peribadi HLISB baru dengan amaun minima berjumlah Dua Puluh Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM25,000.00) dan ke atas bagi tempoh kemudahan selama 2 hingga 5 tahun ("Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi") semasa Tempoh Promosi melalui laman web Bank di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my ("Pelanggan").
78. Penerimaan dan pembayaran Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi hendaklah pada atau sebelum 13 Ogos 2017 ("Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi"). Untuk mengelakkan keraguan, ianya menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi untuk menyediakan semua dokumen-dokumen penting yang diperlukan Bank bagi membolehkan Bank untuk memproses permohonan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi tepat pada masanya. Bank tidak akan melayan sebarang rayuan jika Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi tidak boleh diterima dan dibayar pada atau sebelum 13 Ogos 2017.
79. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian TIDAK layak disertai oleh yang berikut:
 - a. kakitangan HLB atau HLISB, sama ada kakitangan tetap atau kakitangan kontrak,
 - b. Pelanggan yang terikat atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, menyalahi undang undang atau salah laku berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk pada sebarang dakwaan muflis pada bila bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - c. Pelanggan yang terikat, mempunyai potensi untuk terlibat dalam salah laku yang dinyatakan di sini; hendaklah dibatalkan penyertaannya serta merta dari Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian;
 - d. Pelanggan itu bukan individu;
 - e. Pemegang akaun sedia ada Pinjaman/Pembiayaan Peribadi; dan
 - f. Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang memilih tawaran promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi lain semasa Tempoh Promosi.

MEKANISMA

80. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian ini berdasarkan pada pulangan tunai bersamaan dengan 70% daripada jumlah faedah yang dibayar sebanyak 12.5% setahun ("Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian")

81. Pelanggan yang Layak untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang membuat bayaran bulanan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi pada atau sebelum tarikh tamat tempoh setiap bulan semasa tempoh Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi berhak untuk menerima Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian yang dikira mengikut formula berikut.

Formula:

Amaun Pulangan Tunai = Jumlah faedah/keuntungan x Peratusan Pulangan Tunai

Illustrasi pulangan tunai

Amaun Pinjaman/pembiayaan Peribadi	Tempoh	Jumlah Kadar* Faedah/Keuntungan	Pinjaman/Pembiayaan Peribadi dengan Pulangan Tunai 70% (RM)	Faedah/Keuntungan Bersih (RM)	Kadar Faedah/Keuntungan Bersih setahun (%)
25,000	2	6,250	4,375	1,875	3.75%
50,000	3	18,750	13,125	5,625	3.75%
75,000	4	37,500	26,250	11,250	3.75%
100,000	5	62,500	43,750	18,750	3.75%
150,000	5	93,750	65,625	28,125	3.75%

* Berdasarkan kadar faedah/keuntungan 12.5%

Pelanggan yang Layak untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan dimaklumkan melalui surat jika mereka berkelayakan untuk Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian

82. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian akan dibayar secara bulanan dan Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian yang pertama akan dibayar selepas ansuran bulanan bulan ketujuh (ke-7) telah dibayar oleh Pelanggan yang Layak untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Dalam Talian yang terakhir akan dibayar enam (6) bulan sebelum ansuran terakhir Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi dibayar oleh Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Dalam Talian yang dibundarkan pada Satu Ringgit Malaysia (RM1) terdekat akan dikreditkan ke dalam akaun aktif dan sah Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi satu (1) hari selepas tarikh tamat tempoh ansuran bulanan. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Dalam Talian bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi.
83. Menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi untuk memaklumkan HLB/HLISB dalam bentuk tulisan tidak lewat dari satu (1) bulan daripada tarikh tamat tempoh ansuran bulanan bulan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan berikutnya jika Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian bulanan tidak diterima, jika gagal Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian daripada HLB/HLISB dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan oleh HLB/HLISB.
84. Kelayakan Pelanggan yang Layak untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi bagi Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian akan dibatalkan dan bayaran Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian selebihnya akan dihentikan serta merta apabila berlaku keadaan berikut:
- a. Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi gagal membuat ansuran bulanan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi pada tarikh tamat tempoh, atau sejumlah wang lain berikutan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi apabila dituntut oleh HLB/HLISB; atau
 - b. notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi sebelum tempoh matang Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi; atau

- c. Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang terikat, atau disyaki terlibat dalam penipuan atau salah laku yang berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi.
85. Hadiah Harian "iPhone" 7 ("Peraduan Hadiah iPhone 7")
- a. Semasa Tempoh Promosi, Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi berpeluang untuk memenangi satu (1) unit Apple "iPhone" 7 128GB (PRODUK) MERAH ("iPhone 7") setiap hari
 - b. Setiap hari selama Tempoh Promosi, Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan disenarai pendek berdasarkan pemilihan secara rawak ("Pelanggan yang Disenarai pendek Dalam Talian", setiap "Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian") akan dihubungi nombor telefon terbaru mereka yang disediakan oleh Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian seperti yang tertera dalam sistem Bank dan/atau yang direkod agensi sah Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574- v) ("**Dynamic Search**") menjawab dua (2) pertanyaan yang diberikan oleh Bank.
 - c. Hanya satu (1) Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian yang menjawab dua pertanyaan betul dalam masa yang terpantas akan memenangi iPhone 7 secara harian (satu (1) Pemenang setiap hari) ("Pemenang Pulangan Tunai Dalam Talian")
 - d. Tiga (3) cubaan maksima akan dibuat oleh Dynamic Search untuk menghubungi Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum), 31 Ogos 2017 hingga 15 September 2017 antara jam 10:00 a.m. hingga 6:00 p.m. rekod Dynamic Search cubaan panggilan bagi Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian hendaklah diambil kira. Jika Dynamic Search gagal untuk menghubungi Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian selepas tiga (3) cubaan, mereka akan hilang kelayakan daripada Peraduan Hadiah iPhone 7 ini dan tidak berpeluang untuk memenangi iPhone 7. Ini adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi untuk menyediakan nombor telefon terkini dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggung jawab jika Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Disenarai Pendek Dalam Talian untuk sebarang sebab.
 - e. Pemenang Pulangan Tunai Dalam Talian akan dimaklumkan oleh Bank sama ada dalam bentuk tulisan, sistem pesanan ringkas ("**SMS**") atau dalam sebarang bentuk yang dianggap praktikal dan atas usaha yang terbaik melalui alamat atau nombor telefon terkini yang diberikan oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi, dan seperti yang tertera di sistem Bank dan/atau rekod diantara 15 September 2017 hingga 30 September 2017. Pembekal perkhidmatan SMS bagi Kempen ini ialah M3 Technologies (Asia) Berhad ("M3Tech")
 - f. iPhone 7 akan dikirim melalui perkhidmatan kurier kepada alamat surat menyurat terkini Pemenang Pulangan Tunai Dalam talian yang diberikan oleh Pemenang seperti yang tertera dalam sistem Bank dan/atau yang direkod diantara 1 Oktober 2017 hingga 30 November 2017. Ianya menjadi tanggung jawab Pemenang Pulangan Tunai Dalam Talian untuk menyediakan nombor telefon terkini dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kecurian, ketidakterimaan iPhone 7 dan sebarang tuntutan untuk ganti rugi iPhone 7 tidak akan dilayan oleh Bank.

TAWARAN DALAM TALIAN: PERADUAN “FACEBOOK” HONG LEONG (“PERADUAN FB HLB”)

KELAYAKAN

86. "Peraduan FB" Hong Leong ("Peraduan") terbuka kepada semua individu berumur 18 tahun dan ke atas dan telah "Like" Halaman "Facebook" Hong Leong Bank pada atau sebelum Tempoh Promosi ("Peserta") Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan individu merujuk kepada individu yang merupakan pemegang produk HLB/HLISB atau bukan sebelum Tempoh Promosi.
87. Kakitangan HLB/HLISB sama ada kakitangan tetap atau kakitangan kontrak, kakitangan mana mana perwakilan atau agensi HLB/HLISB (termasuk juruaudit luaran, vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan peraduan) dan ahli keluarga terdekat (cth. suami/isteri, anak, ibu bapa, abang, kakak) TIDAK layak untuk menyertai peraduan.

HADIAH

88. Tujuh (7) unit hadiah wang tunai bernilai Tujuh Ribu Tujuh Ratus Ringgit Malaysia (RM7,700) berupa Deposit Tetap Konvensional selama 7 bulan pada kadar semasa untuk dimenangi pada Tarikh Peraduan iaitu 7 Julai 2017 ("Hadiah FD")
89. Pemenang (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 97 dibawah) hendaklah menamakan Akaun CASA bersama HLB dengan nama nama Pemenang ("Penamaan CASA") bertujuan untuk pengkreditan Hadiah FD. Faedah yang diterima akan dikreditkan ke dalam Akaun Pemenang Penamaan CASA secara bulanan. Pemenang yang tidak mempunyai Akaun CASA dikehendaki untuk membuka Akaun CASA bagi tujuan Hadiah FD sebelum 30 Ogos 2017, jika gagal melakukan sedemikian Hadiah FD akan dirampas dan sebarang rayuan ganti rugi Hadiah FD tidak akan dilayan oleh HLB.
90. Jika Hadiah FD ditarik balik sebelum tempoh matang FD (contoh. 7 bulan) seperti yang digariskan Persatuan Bank Bank Malaysia ("ABM"), Seksyen E (v) daripada peraturan ABM hendaklah dilaksanakan:
 - (a) Tiada faedah akan dibayar bagi Hadiah FD yang ditarik balik sebelum selesai tiga (3) bulan.
 - (b) Jika Hadiah FD ditarik balik pada bulan keempat (ke-4) dan berikutnya, Pemenang akan menerima 50% faedah yang diperolehi daripada Hadiah FD bagi bulan bulan yang telah selesai pada Prinsipal Hadiah FD sahaja.

HLB berhak untuk memotong dan menolak amaun bersamaan dengan faedah yang dibayar kepada Pemenang jika Hadiah FD dikeluarkan sebelum tempoh matang daripada Prinsipal Hadiah FD prinsipal.

91. Pengeluaran separa Hadiah FD adalah tidak dibenarkan.
92. Hadiah FD TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran atau untuk tujuan jaminan sebarang kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi Pemenang.

KUANTUM PERADUAN

93. Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Peraduan ini. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta hendaklah menghantar/membalas soalan di separa gambar/pos yang dikongsikan di Akaun "Facebook" Hong Leong Bank selewatnya pada 11:59 malam pada 7 Julai 2017. Untuk mengelakkan keraguan, jawapan yang telah dihantar tetapi tidak dapat diakses oleh HLB tidak akan dianggap sah atau berjaya menyertai Peraduan.
94. HLB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan penyertaan Peraduan yang disebabkan oleh penyerahan muat turun yang mempunyai sentimen perkauman, profaniti atau sebarang elemen lain yang dianggap

tidak bersesuaian oleh HLB atau disebabkan oleh masalah teknikal atau rangkaian internet yang dihadapi oleh Peserta menggunakan akaun "Facebook" sendiri.

Peserta yang telah berjaya menghantar jawapan akan berpeluang untuk memenangi Hadiah FD ("Peserta yang Layak"). Sejumlah dua puluh satu (21) orang Peserta yang Layak akan dipilih secara rawak mengikut budi bicara HLB pada penghujung Tempoh Promosi ("Peserta Terpilih yang Layak"). Peserta Terpilih yang Layak akan dihubungi oleh HLB melalui Akaun "Facebook" Hong Leong bagi mendapatkan nombor telefon dan No. Kad Pengenalan Peserta Terpilih yang Layak. Peserta Terpilih yang Layak hendaklah mengembalikan notis kepada HLB dalam tempoh 12 jam setelah menerima pemberitahuan. Jika gagal, Peserta Terpilih yang Layak akan dianggap tidak layak untuk Peraduan ini dan HLB berhak untuk memilih Peserta yang Layak seterusnya.

95. Peserta Terpilih yang Layak akan dihubungi oleh HLB atau pengurusan Peraduan yang dilantik, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574- v) ("Dynamic Search") dengan usaha terbaik akan menghubungi nombor telefon terkini mereka yang disediakan oleh Peserta Terpilih yang Layak seperti yang tertera dalam sistem Bank dan yang direkod dan akan telefon pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang dari Isnin hingga Jumaat) untuk menjawab 2 soalan. Ini adalah tanggungjawab Peserta Terpilih yang Layak untuk menyediakan nombor telefon terkini dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggung jawab jika Dynamic Search tidak dapat menghubungi Peserta Terpilih yang Layak untuk sebarang sebab.
96. Jika Peserta Terpilih yang Layak gagal untuk menjawab telefon selepas tujuh (7) deringan untuk sebarang sebab, Peserta Terpilih yang Layak dianggap telah terlepas peluang untuk menang dan HLB atau wakil yang telah dilantik berhak sepenuhnya untuk memilih Peserta Terpilih yang Layak yang lain bila perlu.
97. Hanya tujuh (7) orang Peserta Terpilih yang Layak yang menjawab soalan paling banyak dan tepat dalam tempoh terpantas akan diumumkan sebagai pemenang bagi Hadiah FD ("Pemenang").
98. Jika berlaku seri, Peserta Terpilih yang Layak yang menghantar jawapan paling awal sepanjang Tempoh Promosi akan diumumkan sebagai pemenang ("Pemenang").
99. Pemenang tidak akan diberitahu serta merta sama ada mereka adalah pemenang Peraduan setelah selesai sesi soal jawab.
100. Pemenang akan diberitahu oleh HLB sama ada dalam bentuk tulisan, atau melalui pos nama dan nombor Kad Pengenalan (secara tersembunyi) pemenang di akaun "Facebook" Hong Leong atau sebarang cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB tidak lewat daripada 14 Julai 2017.
101. Pemenang dikehendaki untuk pergi ke mana-mana Cawangan HLB untuk pengesahan bimoetrik dan kad pengenalan pada atau sebelum 30 Ogos 2017, bagi membolehkan HLB untuk mengkreditkan Hadiah FD kepada CASA yang Dinamakan Pemenang, HLB berhak untuk mengambil Hadiah FD jika gagal untuk berbuat sedemikian. Semua pengangkutan, penginapan, perbelanjaan peribadi dan segala kos yang ditanggung berkaitan dengan pengambilan Hadiah FD hendaklah ditanggung oleh Pemenang tanpa bantuan HLB.
102. Pemenang yang tidak mempunyai akaun FD dengan Bank dikehendaki untuk membuka akaun FD di cawangan HLB terdekat pada 30 Ogos 2017, Hadiah FD akan diambil jika gagal untuk berbuat demikian.
103. Jika Pemenang gagal untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pembekal di bawah Klausula 101 dan Klausula 102 (jika berkenaan) di atas selewatnya pada 30 Ogos 2017, HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang Hadiah FD yang tidak dituntut dan rayuan untuk ganti rugi Hadiah FD tidak akan dilayan oleh HLB.

104. Peserta Terpilih yang Disenarai pendek dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan nama, nombor telefon dan alamat kepada Dynamic Search untuk tujuan pemilihan Pemenang bagi Peraduan.
105. Pemenang juga dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan atau menerbitkan nama, nombor Kad Pengenalan (secara tersembunyi) atau gambar di media, pemasaran dan bahan pengiklanan untuk tujuan Peraduan.

TAWARAN CAWANGAN : PROMOSI UNIT AMANAH “SUPER POWERLINK” 77% (“PROMOSI UNIT AMANAH”)

KELAYAKAN

106. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu warganegara Malaysia dan/atau bukan warganegara Malaysia yang sedia ada dan/atau pelanggan Baru-Kepada-Bank ("Pelanggan HLB").
107. Pelanggan Baru-Kepada-Bank merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai sebarang akaun sedia ada dengan HLB sebelum Tempoh Promosi.
108. Berikut yang TIDAK layak untuk menyertai Promosi Unit Amanah:
 - a. Pelanggan HLB yang terikat atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, menyalahi undang undang atau salah laku berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk pada sebarang dakwaan muflis pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - b. Pelanggan yang terikat, mempunyai potensi untuk terlibat dalam salah laku yang dinyatakan di sini.

MEKANISMA

109. Untuk menyertai Promosi Unit Amanah ini, Pelanggan HLB hendaklah semasa Tempoh Promosi, melaksanakan dan memenuhi keperluan/kriteria yang telah digariskan dibawah untuk melayakan kadar Promosi Deposit Tetap ("FD") sebanyak 77% setahun("UT Kadar Promosi FD"):-
 - (i) untuk melabur amaun minima unit amanah ("UT") RM30,000.00 ("Amaun Pelaburan") di mana mana UT terpilih seperti yang tersenarai di dalam Apendiks 1 yang dilampirkan disini ("Pelaburan Terpilih"); dan
 - (ii) untuk meletakkan FD ke dalam akaun FD yang baru dibuka dan sedia ada pada tempoh maksima selama 1-bulan dengan amaun maksima FD sehingga satu perempat (1/4) daripada Amaun Pelaburan dalam Pelaburan Terpilih.

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan HLB hendaklah membuka akaun FD baru dengan HLB semasa Tempoh Promosi (jika Pelanggan HLB tidak mempunyai akaun FD sedia ada) bagi mematuhi keperluan ini, jika gagal Pelanggan HLB akan hilang kelayakan untuk Promosi Unit Amanah.

Amaun Minima UT	Caj Jualan Minima UT	UT: Nisbah FD	Amaun Maksima FD	Tempoh dan Kadar FD Promosi UT
RM30,000	4.00%.*	4 UT: 1 FD	Sehingga satu perempat amaun UT	1-bulan FD pada 77% setahun

* 4.00% merujuk kepada caj jualan minima UT untuk dana UT yang mengambil bahagian.

110. Pelanggan HLB yang telah melaksanakan dan memenuhi ciri ciri yang dinyatakan di dalam Klausa 109 di atas hendaklah dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak PowerLink" bagi tujuan Promosi Unit Amanah.
111. Untuk mengelakkan keraguan, bagi membolehkan Pelanggan yang Layak PowerLink menikmati Kadar Promosi FD UT di atas:
 - (i) peletakan Pelaburan Terpilih dan FD hendaklah dilakukan serentak pada hari yang sama semasa Tempoh Promosi; dan
 - (ii) Amaun maksima FD yang diletakkan serentak dengan Pelaburan Pilihan dinyatakan sebagai nisbah kepada amaun Pelaburan Pilihan.
112. Faedah FD hendaklah dikreditkan kedalam CASA yang dinamakan Pelanggan yang Layak PowerLink setelah Tempoh matang. Tambahan faedah keatas jumlah prinsipal FD adalah tidak dibenarkan.
113. Jika berlaku pengeluaran FD sebelum tempoh matang, tiada faedah yang akan diberikan ke atas pengeluaran FD sebelum sampai tiga (3) bulan seperti yang disyaratkan oleh Persatuan Bank Bank Malaysia ("ABM"), Seksyen E (V) hendaklah dilaksanakan:
 - (a) Tiada faedah akan dibayar ke atas Amaun FD yang dikeluarkan sebelum sampai tiga (3) bulan.
 - (b) Jika berlaku pengeluaran FD pada bulan keempat (ke-4) dan berikutnya, Pelanggan yang Layak PowerLink akan menerima 50% faedah Amaun FD yang diperoleh bagi bulan yang selesai untuk Amaun prinsipal FD sahaja.
114. Setelah matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa konvensional FD.
115. Separa pengeluaran FD tidak dibenarkan.
116. Pengeluaran FD, sama ada sebelum atau selepas Tempoh matang, hanya boleh dilakukan di cawangan utama contoh. cawangan di mana peletakan FD dilakukan.
117. Tarikh tempahan UT hendaklah dianggap sebagai tarikh peletakan UT bagi produk UT terpilih dalam Pelaburan Pilihan.
118. Peletakan FD dan amaun pelaburan hendaklah dibuat pada hari yang sama dan tidak boleh dikumpul daripada hari yang berlainan.
119. Pemegang akaun utama bagi kedua dia Pelaburan Pilihan dan akaun FD mestilah di bawah nama Pelanggan yang Layak PowerLink yang sama.
120. HLB berhak untuk mengubah dana penyertaan dari Pelaburan Pilihan yang disenaraikan di Apendiks 1 dari masa ke semasa dalam Tempoh Promosi.
121. Pelanggan yang Layak PowerLink bertanggungjawab dan hendaklah secara peribadi menanggung semua cukai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang kemungkinan dikenakan keatas mereka di bawah undang undang tertentu, jika ada, berkaitan dengan penyertaan Promosi.

TRANSAKSI PRODUK PELABURAN

122. Pelaburan bersama dianggap sebagai milik individu yang namanya muncul dahulu dalam borang transaksi pelaburan Pelaburan Pilihan ("Pemegang Utama Akaun Pelaburan"). Hanya Pemegang Utama Akaun Pelaburan layak ke atas Kadar Promosi FD.
123. Jika Pelanggan yang Layak PowerLink melaksanakan hak tempoh-bertenang Unit Amanah atau sebarang transaksi Pelaburan Pilihan dibatalkan oleh mana mana pihak atas apa sahaja

alasan, Pelanggan yang Layak PowerLink TIDAK layak ke atas Kadar Promosi UT seperti yang dinyatakan di atas. Sewajarnya, dana yang diletakkan dan didepositkan ke dalam akaun FD akan dikeluarkan dan tiada faedah akan dibayar mengikut syarat ABM.

124. Semua terma dan syarat, peraturan sedia ada yang mentadbir transaksi Pelaburan Pilihan hendaklah dilaksanakan.
125. Terma dan syarat yang mentadbir transaksi UT dan produk Pelaburan Pilihan dispesifikasikan dalam prospek terkini dan prospek sampingan dengan itu (jika ada) yang telah sewajarnya didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir dan dikawal selia oleh Akta Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti yang dipinda) dan garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.
126. Nota Penafian Unit Amanah: Dokumen ini bukan bertujuan untuk menjadi jemputan atau tawaran untuk langganan unit amanah mahupun permintaan HLB untuk langganan unit amanah oleh siapa siapa. Pelabur adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan prospek yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggung jawab ke atas kandungannya, sebelum melabur. Salinan prospek boleh didapati di cawangan HLB atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang masalah berkenaan unit yang dikaitkan prospek hanya boleh diterima melalui borang aplikasi yang dirujuk dan diiringi satu salinan prospek. Pelabur perlu sedar akan kewujudan fi dan caj yang terlibat dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan fi dan caj yang berkaitan sebelum melabur dan berunding dengan penasihat kewangan profesional atau berlesen mereka, jika ada keraguan tentang ciri atau sifat dana. Sila beri perhatian bahawa harga unit dan bahagian yang perlu dibayar, jika ada, mungkin naik atau turun. Prestasi dana terdahulu tidak menggambarkan prestasi dana akan datang. Pulangan pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah tidak menjadi deposit bank atau tanggungjawab Bank mahupun menjadi jaminan atau diinsurankan oleh HLB dan tertakluk pada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian amaun prinsipal yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit dalam sebarang skim yang tidak diinsurankan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dan mana mana wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsurankan bertujuan untuk membeli mana mana unit di dalam skin unit amanah tidak diinsurankan oleh PIDM.
127. Promosi Unit Amanah ini TIDAK sah digunakan bersama mana mana promosi yang sedang dijalankan (termasuk menikmati Promosi Caj Jualan dana Unit Amanah) yang ditawarkan oleh HLB dari masa ke semasa.
128. Dengan menyertai Promosi Unit Amanah ini, Pelanggan HLB:
 - a. telah membaca dan memahami T&S selepas ini dan bersetuju untuk terikat dengan T&S Promosi Unit Amanah;
 - b. bersetuju bahawa keputusan yang dibuat berkaitan dengan Promosi Unit Amanah adalah muktamad dan terikat dengan semua Pelanggan yang Layak PowerLink dan sebarang rayuan atau pertikaian lanjutan ke atas keputusan yang dibuat tidak akan dilayan; dan
 - c. setuju untuk mengakses laman web HLB pada selang waktu untuk melihat T&S dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan pada T&S.
129. **HLB berhak untuk:**
 - (i) Menolak kelayakan Pelanggan HLB daripada menyertai Promosi Unit Amanah atas sebab apa sekalipun mengikut kehendak HLB, mengikut budi bicara mutlak; dan
 - (ii) pada bila bila masa untuk menambah, membuang, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, secara keseluruhannya atau sebahagiannya mengikut budi bicara mutlaknya dengan meletakkan T&S yang telah diubah di Laman Web HLB atau apa sahaja cara yang dianggap sesuai oleh HLB.
130. T&S selepas ini, Terma dan Syarat Akaun FD dan Terma dan Syarat Umum bagi Akaun Pelaburan Pilihan adalah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Jika berlaku sebarang percanggahan, T&S ini akan digunapakai bagi mana mana percanggahan.

131. T&S hendaklah dikawal dan ditafsirkan berdasarkan undang undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak PowerLink bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

TAWARAN CAWANGAN: PROMOSI DEPOSIT TETAP/-i ("PROMOSI FD/-i")

KELAYAKAN

132. Promosi Langkah 7 Bulan Deposit Tetap/-i terbuka kepada semua Pemegang Akaun yang Layak Bonus Faedah/Keuntungan, Pemohon yang layak Kad Kredit, Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Auto, Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi, Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Hartanah, Pelanggan yang Layak Pembiayaan Bersama, dan Pelanggan TT yang Layak, individu warganegara Malaysia atau bukan Malaysia ("Pelanggan FD/-i")

Pemegang Akaun yang Layak Bonus Keuntungan, Pelanggan yang layak Pembiayaan Auto Pelanggan yang Layak Pembiayaan Peribadi dan Pelanggan yang Layak Pembiayaan Hartanah hendaklah membuat peletakan di bawah FD-I sebagai keutamaan.

133. Pelanggan FD/-i yang terikat atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, menyalahi undang undang atau salah laku berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) ("HLISB") atau telah diisytiharkan mufliis atau tertakluk pada sebarang dakwaan mufliis pada bila bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi dan hingga 31 Julai 2017 TIDAK layak untuk menyertai Promosi FD/-i.
134. Pelanggan FD/-i yang terikat, mempunyai potensi untuk terlibat dalam salah laku yang dinyatakan di sini hendaklah dibatalkan penyertaannya serta merta dari Promosi FD/-i.

MEKANISMA

135. Pelanggan FD/-i yang telah membuat peletakan deposit antara Amaun Peletakan Minima FD/-i dan Amaun Peletakan Maksima FD/-i ("Amaun FD/-i" seperti yang dispesifikasikan dalam jadual di bawah) ke dalam Akaun FD/-i yang baru atau sedia ada untuk Tempoh FD/-i seperti yang dibentangkan di bawa semasa Tempoh Promosi mempunyai hak ke atas Promosi Kadar FD/-i ("Pelanggan yang Layak FD/-i"):

Tempoh FD/-i	Promosi Kadar FD/-i	Efektif Kadar FD/-i	Amaun Peletakan Minima FD/-i	Amaun Peletakan Maksima FD/-i
7 bulan	1 - 3 Bulan @ 3.70% setahun	4.30% setahun	RM10,000	RM200,000
	4 - 6 Bulan @ 4.00% setahun			
	7 bulan @ 7.00% setahun			

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan FD/-i yang tidak mempunyai Akaun FD/-i hendaklah membuka Akaun FD/-i untuk mendapat kelayakkan Pelanggan yang Layak FD/-i.

136. Amaun Peletakan Minima FD/-i ialah Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000) dan Amaun Peletakan Maksima FD/-i ialah Dua Ratus Ribu Ringgit (RM200,000). Jika Amaun Peletakan FD/-i melebihi Amaun Peletakan Maksima yang ditetapkan atau jika Promosi FD/-i berkenaan telah mencecah saiz dana (FD - RM700 juta, FD-i - RM100 juta), salah satu yang datang terlebih dahulu, Amaun FD/-i yang melebihi Amaun Peletakan Maksima FD/-i yang ditetapkan

atau penetapan sasaran Promosi FD/-i hendaklah mengikut kadar FD/-i konvensional/Islamic semasa.

137. Promosi FD/-i hanya terpakai untuk Dana Baru sahaja. "Dana Baru" ditakrif sebagai:
 - (a) Tunai, "interbank" GIRO, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf dari bank lain, cek tempatan atau cek bank yang dikeluarkan oleh bank lain yang disimpan ke dalam Akaun FD/-i Pelanggan yang Layak FD/-i sedia ada atau baru ;
 - (b) Pulangan yang diperoleh daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Peti Pelaburan Hong Leong semasa Tempoh Promosi yang telah didepositkan semula ke dalam mana mana akaun semasa atau akan simpanan HLB/HLISB ("CASA/-i")
138. Berikut tidak akan dianggap sebagai "Dana Baru":
 - (a) Pengeluaran FD/-i dalam tempoh matang atau belum matang daripada mana mana akaun FD/-i HLB/HLISB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana intra bank, cth. pindahan dana daripada akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i ("FD-i") atau Akaun Pelaburan Umum ("GIA"));
 - (c) Pindahan antara-cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga.
139. Pelanggan yang Layak FD/-i hendaklah menamakan Akaun CASA/-i di HLB/HLISB di bawah nama Pelanggan yang Layak FD/-i ("Penamaan CASA/-i") bertujuan untuk mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperoleh daripada Promosi FD/-i. Faedah/keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Penamaan CASA/-i Pelanggan yang Layak FD/-i secara bulanan.
140. Setelah matang, amaun prinsipal FD/-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa 7 bulan Konvensional/Islamic dan faedah/keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Penamaan CASA/-i Pelanggan yang Layak FD/-i secara bulanan.
141. Jika Amaun FD/-i dikeluarkan sebelum tempoh matang FD/-i seperti yang digariskan oleh Persatuan Bank Bank Malaysia ("ABM"), Sekseyn E (v) dan/atau Terma dan Syarat bagi Deposit Tetap-i Hong Leong Seksyen 2.15 hendaklah digunakan:
 - a) Tiada faedah/keuntungan yang akan dibayar ke atas Amaun FD/-i yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
 - b) Jika FD/-i dikeluarkan dalam bulan keempat (ke-4) dan berikutnya, Pelanggan yang Layak FD/-i akan menerima 50% daripada faedah/keuntungan Amaun FD/-i yang diperoleh bagi bulan yang genap tempoh pada Amaun prinsipal FD/-i sahaja
142. HLB/HLISB berhak untuk memotong dan menolak amaun bersamaan dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan yang Layak FD/-i jika Amaun FD/-i dikeluarkan sebelum tempoh matang daripada Amaun Pokok FD/-i semasa pengeluaran.
143. Pelanggan HLISB dianggap bersetuju untuk melepaskan hak tuntutan mereka ke atas harga jualan penuh jika berlaku pengeluaran FD/-i sebelum tarikh matang.
144. Pengeluaran separa FD/-i adalah tidak dibenarkan.
145. Amaun FD/-i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran atau untuk tujuan jaminan sebarang kemudahan kredit yang diperoleh atau akan diperolehi Pelanggan yang Layak FD/-i

TAWARAN CAWANGAN: FAEDAH/KEUNTUNGAN BONUS CASA-i 7% setahun ("PROMOSI FAEDAH/KEUNTUNGAN BONUS")

KELAYAKAN

146. Promosi Faedah/Keuntungan Bonus terbuka kepada semua pelanggan individu warganegara Malaysia HLB/HLISB baru dan sedia ada, pemegang akaun utama bagi akaun simpanan dan semasa ("CASA/-i") HLB/HLISB yang terlibat termasuk Perbankan Prioriti Hong Leong dan pelanggan Perbankan Peribadi ("Pemegang Akaun")
147. CASA-i yang menyertai Promosi Faedah/Keuntungan Bonus ini adalah seperti berikut ("Akaun yang Mengambil Bahagian"):

HLB CASA	HLISB CASA-i
Akaun Simpanan Asas Hong Leong	Akaun "Pay&Save-i" Hong Leong
Akaun Simpanan Hong Leong	Akaun Simpanan-i Hong Leong
Akaun "Pay&Save" Hong Leong	Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
Akaun Simpanan "Harvest" Hong Leong	Akaun Simpanan "Junior-i" Hong Leong
Akaun "Junior" 3-dalam-1 Hong Leong	Akaun Simpanan "Multi-tier-i" Hong Leong
Akaun Simpanan "Junior" Hong Leong	Akaun Semasa "One-i" Hong Leong
Akaun Simpanan "Senior Saver" Hong Leong	"Payroll Plus-i" Hong Leong
Akaun Deposit Premium Hong Leong	
Akaun "One" Hong Leong	
Akaun Semasa Hong Leong	
Akaun Semasa Asas Hong Leong	

CASA-i HLISB yang menyertai adalah akan deposit berdasarkan Prinsip Shariah yang dinamakan Tawarruq.

148. Yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi Faedah/Keuntungan Bonus:
- Pemegang Akaun kedua daripada Akaun yang Mengambil Bahagian; dan
 - Pelanggan HLB yang terikat atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, menyalahi undang undang atau salah laku berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank (menurut petisyen oleh Bank atau pihak ketiga) atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk pada sebarang dakwaan muflis pada bila bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.

MEKANISMA

149. Pemegang akaun berkelayakan untuk memperoleh faedah/keuntungan bonus 7% setahun ("Keuntungan/Faedah Bonus") apabila mereka memenuhi peningkatan minima deposit (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 150) sebanyak Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000) hingga Tujuh Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM70,000) semasa Tempoh Promosi ("Pemegang Akaun yang Layak Faedah/Keuntungan Bonus"). Untuk mengelakkan keraguan, Faedah/Keuntungan Bonus dihadkan pada RM93.97 bagi setiap Pemegang Akaun yang Layak Faedah/Keuntungan Bonus sepanjang Tempoh Promosi.
150. Peningkatan Deposit bagi Faedah/Keuntungan Bonus ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian ("DAB") daripada Akaun yang Mengambil Bahagian semasa Tempoh Promosi, tolak baki penutup dalam Akaun yang Mengambil Bahagian sehari sebelum Tempoh Promosi. Bagi Akaun yang Mengambil Bahagian yang baru buka semasa Tempoh Promosi, asas untuk kiraan Peningkatan Deposit ada sifar Ringgit Malaysia (RM0).

- (a) **Akaun yang Mengambil Bahagian yang sedia ada dan dibuka sebelum 7 Julai 2017**

$$DAB = \frac{\text{Jumlah baki harian Tempoh Promosi}}{\text{Bilangan hari Tempoh Promosi cth. 7 hari}}$$

Peningkatan Deposit = DAB - Baki penutup pada 6 Julai 2017

(b) Akaun yang Mengambil Bahagian yang baru buka semasa Tempoh Promosi

DAB = Jumlah baki harian Tempoh Promosi Bilangan hari Tempoh Promosi sejak dibuka

Peningkatan Deposit = DAB

151. Bagi Pemegang Akaun yang Layak Faedah/Keuntungan Bonus yang mempunyai lebih dari satu (1) Akaun yang Mengambil Bahagian, peningkatan deposit bagi setiap Akaun yang Mengambil Bahagian hendaklah dikira secara agregat jumlah Peningkatan Deposit yang layak untuk mendapat Faedah/Keuntungan Bonus. Pengiraan agregat jumlah Peningkatan Deposit adalah berasingan bagi HLB dan HLISB.
152. Bagi tujuan Promosi Faedah/Keuntungan Bonus ini, semua deposit bagi Akaun yang Mengambil Bahagian mestilah merupakan Dana Baru. Untuk mengelakkan keraguan, Dana Baru adalah:
- Tunai, "interbank" GIRO, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf dari bank lain, cek tempatan atau cek bank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan/atau
 - Pulangan yang diperolehi daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Peti Pelaburan Hong Leong semasa Tempoh Promosi yang telah didepositkan semula ke dalam mana mana akaun semasa atau akaun simpanan HLB/HLISB ("CASA-I")
153. Dana Baru BUKAN:
- Pindahan dana intra bank, cth. pindahan dana daripada akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i ("FD-i") atau Akaun Pelaburan Umum ("GIA") atau pengeluaran sebelum tempoh matang FD/-i atau GIA; dan/atau
 - Pindahan antara-cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga.
154. Faedah/Keuntungan Bonus dikira setiap hari dan akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Mengambil Bahagian dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Promosi.
155. Jika Pemegang Akaun yang Layak Faedah/Keuntungan Bonus mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun yang Mengambil Bahagian, Faedah/Keuntungan Bonus akan dikreditkan kepada mereka mengikut urutan keutamaan tersebut:

HLB CASA	HLISB CASA-i
Akaun "Pay&Save" Hong Leong	Akaun "Pay&Save-i" Hong Leong
Akaun Simpanan Hong Leong	Akaun Simpanan-i Hong Leong
Akaun Simpanan Asas Hong Leong	Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
Akaun Simpanan "Harvest" Hong Leong	Akaun Simpanan "Junior-i" Hong Leong
Akaun Simpanan "Senior Saver" Hong Leong	Akaun Simpanan Multi-tier-i Hong Leong
Akaun "Junior" 3-dalam-1 Hong Leong	Akaun Semasa "One-i" Hong Leong
Akaun Simpanan "Junior" Hong Leong	"Payroll Plus-i" Hong Leong
Akaun Deposit Premium Hong Leong	
Akaun "One" Hong Leong	
Akaun Semasa Hong Leong	
Akaun Semasa Asas Hong Leong	

Nota: Pengkreditan faedah bonus akan dibuat secara langsung kepada CASA HLB manakala

156. Faedah/Keuntungan Bonus tidak terakru, tidak kompaun dan hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada faedah semasa yang perlu dibayar bagi Peningkatan Baki Akaun kepada Akaun yang Mengambil Bahagian.

TAWARAN CAWANGAN : GABUNGAN FD BANKAASSURANS ("PROMOSI BANCA")

157. Promosi Banca hanya terbuka kepada permohonan (contoh. produk yang dinyatakan pada jadual yang dilampirkan pada Klausula 162 di bawah) yang dihantar semasa Tempoh Promosi dan polisi mesti dikuatkuasakan paling lewat 15 hari kalendar selepas Tempoh Promosi.

KELAYAKAN

158. Promosi Banca terbuka kepada semua Pelanggan baru dan sedia ada HLB termasuk warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang semasa Tempoh Promosi, memohon untuk sebarang Produk Premium Biasa Bankaassurans yang Mengambil Bahagian seperti yang dinyatakan pada jadual yang dilampirkan pada Klausula 162 di bawah dan membayar Premium Bisnes Baru dengan Saiz Premium Tahunan minima mengikut Produk Premium Biasa Bankaassurans ("Pelanggan Banca yang Layak")

159. Produk Premium Biasa Bankaassurans yang Mengambil Bahagian bagi Promosi Banca adalah Insurans Tunai "SMART" Hong Leong, "Prestige Life", Insurans "SMART5" Hong Leong dan Insurans "SMART Value" Hong Leong (selepas ini dikenali sebagai "Produk Banca" dan secara individu dirujuk sebagai "Produk Banca") yang ditaja jamin oleh penanggung insurans, Hong Leong Assurance Berhad ("HLA")

160. Untuk mengelakkan keraguan:

"**Premium Bisnes Baru**" bermaksud tahun pertama premium dibayar untuk sebarang pembelian produk;

"**Saiz Premium Tahunan**" merujuk kepada jumlah minima amaun premium yang dibayar sebanyak Enam Ribu Ringgit Malaysia (RM6,000) untuk Insurans Tunai "SMART" Hong Leong dan "Prestige Life" dan Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000) untuk Insurans "SMART Value" Hong Leong.

161. Pelanggan Banca yang Layak yang terikat atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, menyalahi undang undang atau salah laku berhubung dengan kemudahan yang disediakan oleh HLB atau telah diisytiharkan mufli (menurut petisyen oleh HLB, Bank lain atau pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang dakwaan mufli pada bila bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak untuk menyertai Promosi Banca.

MEKANISMA

162. Pelanggan Banca yang Layak yang meletakkan deposit FD di dalam Akaun FD sedia ada atau baru dengan HLB menurut amaun yang ditetapkan mengikut Produk Banca semasa Tempoh Promosi layak ke atas Promosi Faedah FD Banca seperti yang dinyatakan di bawah ("Pelanggan Banca yang Layak"):

Produk Premium Biasa Bankaassurans	Saiz Premium Tahunan	Amaun Peletakan Deposit Tetap ("FD")	Promosi Faedah FD Banca
<u>Kumpulan A</u> <ul style="list-style-type: none"> Insurans "SMART5" Hong Leong Insurans "SMART5 Value" Hong Leong 	Minima RM10,000	Dasar 1 sama 1 maksima amaun RM20,000	3 Bulan ("Tempoh FD") pada kadar faedah efektif 7% setahun. Terhadap kepada 1,000 Pelanggan pertama yang Layak sahaja (setiap pelanggan dan atas dasar siapa cepat dia dapat)
<u>Kumpulan B</u> <ul style="list-style-type: none"> Hong Leong "SMART" Tunai "Prestige Life" 	Minima RM6,000		

Nota: Deposit tetap dan insurans hendaklah layak mendapat perlindungan daripada PIDM.

163. Bagi tujuan Promosi Banca ini, Saiz Premium Tahunan akan terdiri daripada "Dana Baru" yang merujuk kepada duit daripada sumber selain daripada akaun sedia ada bersama HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB").
164. Tambahan kepada Klausula 163 di atas, berikut tidak dianggap sebagai "Dana Baru"
 - (a) FD Matang, Deposit Berjangka (TD-i), Akaun Pelaburan Umum ("GIA") atau pengeluaran awal FD, TD-i atau GIA
 - (b) Pindahan antara cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga.
165. Bagi mengelakkan keraguan, Promosi Faedah FD Banca ini hanya sah untuk dasar siapa cepat dia dapat dan terhad untuk satu ribu (1000) pertama Pelanggan Banca yang Layak.
166. Pelanggan Banca yang Layak hanya boleh membuat peletakan FD atas kelulusan daripada pemberi insurans, Produk Banca yang dimohon untuk dan selepas tamat tempoh lima belas hari (15) hari tempoh bertenang sebaik sahaja polisi berkuat kuasa. Surat Pemberitahuan akan dihantar kepada Pelanggan Banca yang Layak oleh HLA dan Pelanggan Banca yang Layak perlu menunjukkan surat Pemberitahuan kepada mana-mana cawangan HLB sebagai bukti kelayakan untuk menikmati Promosi Faedah FD Banca untuk diteruskan dengan peletakan FD, kegagalan berbuat sedemikian akan menyebabkan Pelanggan Banca yang Layak dianggap tidak layak untuk menyertai Promosi Banca dan menjadi tanggungjawab Pelanggan Banca yang Layak untuk mendapatkan surat Pemberitahuan daripada HLA / memberitahu HLA sekiranya Pelanggan Banca yang Layak tidak menerima surat Pemberitahuan tersebut daripada HLA, dan HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas surat Pemberitahuan yang tidak diterima oleh Pelanggan Banca yang Layak atas apa sebab sekalipun. Menjadi tanggungjawab Pelanggan Banca yang Layak juga untuk memastikan yang mereka telah membekalkan alamat yang terkini, sah dan tepat kepada HLB / HLA bagi tujuan penghantaran surat Pemberitahuan.
167. Bagi mengelakkan keraguan, HLB akan berpandukan surat Pemberitahuan untuk memastikan kelayakan Pelanggan Banca yang Layak untuk melakukan peletakan FD dengan HLB.
168. Setiap Pelanggan Banca yang Layak akan hanya berhak kepada Promosi Faedah FD Banca untuk satu (1) kali sahaja (sama ada akaun FD individual di bawah nama Pelanggan Banca yang Layak sahaja atau akaun FD bersama di mana Pelanggan Banca yang Layak merupakan Pemegang Akaun FD Prinsipal) tanpa mengira bilangan Produk Banca yang dilanggan sepanjang Tempoh Promosi. Jika akaun FD bersama, hanya akaun FD bersama di mana Pelanggan Banca yang Layak (seperti yang dinyatakan di dalam surat Pemberitahuan) merupakan Pemegang Akaun FD Prinsipal, layak untuk Promosi Faedah FD Banca.

169. Sekiranya Produk Banca dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa-apa sebab sekalipun pada bila-bila masa semasa tempoh peletakan FD, Pelanggan Banca yang Layak tidak akan layak untuk menikmati Promosi Faedah FD Banca. Dalam hal sedemikian, kadar FD konvensional untuk Tempoh FD akan terpakai daripada tarikh peletakan FD.
170. Promosi Faedah FD Banca di bawah Promosi Banca akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan ("CASA") yang dinamakan oleh Pelanggan Banca yang Layak dalam setelah Tempoh FD matang. Tambahan faedah ke atas peletakan FD permulaan adalah tidak dibenarkan.
171. Setelah matang, FD akan diperbaharui secara automatic pada kadar FD semasa. Pengeluaran sebahagian daripada FD semasa Tempoh FD tidak dibenarkan.
172. Pengeluaran FD hanya dibuat di cawangan asal, iaitu cawangan yang mana peletakan FD dibuat.
173. Sekiranya FD telah dikeluarkan sebelum kematangan Tempoh FD berkenaan, tiada faedah akan dibayar ke atas FD yang dikeluarkan.
174. Sekiranya Pelanggan Banca yang Layak didapati tidak menurut sebarang atau kesemua T&S di bawah Promosi Banca, HLB berhak menarik balik dan menolak Faedah FD Banca tambahan yang telah dikredit sebelumnya daripada akaun CASA yang dinamakan oleh Pelanggan Banca yang Layak. Pelanggan Banca yang Layak akan diberitahu oleh HLB dalam bentuk bertulis sebelum penarikan balik Faedah FD Banca dan penolakan daripada akaun yang dinamakan oleh Pelanggan Banca yang Layak
175. Promosi Banca ini tidak sah bersama dengan lain-lain promosi yang sedang berjalan yang ditawarkan oleh HLB dari masa ke semasa

PENAFIAN INSURANS

Dokumen/T&S ini tidak bertujuan sebagai jemputan atau tawaran untuk langganan insurans mahupun permintaan untuk langganan insurans oleh HLB daripada sesiapa. Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami kandungan brosur produk/polisi kontak sebelum mendaftar.

***NOTA PENTING:**

PRODUK INSURANS INI ADALAH BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. PELANGGAN MESTI MENILAI PILIHAN MEREKA DENGAN BERHATI-HATI AND MEMUASKAN HATI MEREKA DI MANA PELAN PELABURAN BERKAIT SESUAI DENGAN SELERA RISIKO MEREKA, DAN PELANGGAN MAMPU MENANGGUNG PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN PADA BILA-BILA WAKTU, ADALAH DINASIHATKAN SUPAYA PELANGGAN MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "TOP UPS". PULANGAN DANA PELABURAN BERKAIT ADALAH TIDAK DIJAMIN.

176. Pelanggan yang tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Pasaran Modal dan Akta Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak dipanjangkan kepada Pelanggan sekiranya Pelanggan mengalami kerugian wang disebabkan penyelewengan atau penipuan salah guna duit dan hartanah lain, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil HLB.
177. Produk di atas adalah dilindungi oleh Hong Leong Assurance Berhad (HLA). HLA adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian manfaat yang dilindungi di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh HLA adalah dilindungi daripada kerugian sebahagian atau seluruh manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya kegagalan ahli pemberi insurans berlaku. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop liputan, sila dapatkan brosur informasi PIDM daripada HLA atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

TAWARAN CAWANGAN : PROMOSI PULANGAN TUNAI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI (“PROMOSI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI”)

KELAYAKAN

178. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi ini terbuka untuk semua warganegara Malaysia yang memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB/ Pembiayaan Peribadi HLISB baru (“Kemudahan”) untuk tempoh kemudahan dua (2) ke lima (5) tahun (“Kemudahan”) semasa Tempoh Promosi. Penerimaan dan pembayaran kemudahan akan diselesaikan pada atau sebelum 13 Ogos 2017 (“Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang Layak”). Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang Layak bertanggungjawab menyediakan semua dokumen yang diperlukan oleh Bank bagi Bank memproses permohonan kemudahan tepat pada waktunya. Bank tidak akan melayan sebarang rayuan sekiranya kemudahan tersebut tidak diterima dan dibayar pada atau sebelum 13 Ogos 2017
179. Permohonan Kemudahan haruslah dibuat di mana-mana cawangan HLB, cawangan HLISB atau melalui Jualan Langsung HLB/ejen dan/atau ejen jualan atas talian sahaja.
180. Berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi ini:
- Pekerja HLB atau HLISB, sama ada atas dasar tetap atau kontrak, wakil atau ejen kepada pekerja HLB atau HLISB (termasuk juruaudit luaran, peniaga, pembekal, ejen pengiklanan dan Promosi) dan ahli keluarga mereka terdekat (pasangan, anak, ibu bapa, abang atau kakak)
 - Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan yang salah dan melanggar undang-undang berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau telah diisytihar mufliis atau tertakluk kepada sebarang prosiding mufliis pada bila-bila waktu sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
 - Pelanggan yang telah melakukan atau ditentukan oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan apa-apa perbuatan salah yang dinyatakan di sini akan dibatalkan penyertaannya dalam Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi ini serta merta; dan
 - Pelanggan yang bukan individu.
 - Pelanggan yang memohon terus melalui laman web di www.hlb.com.my (“Laman Web HLISB”) atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my (“Laman Web HLISB”).
 - Pemegang Akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi sedia ada.
 - Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang Layak yang memilih promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi lain semasa Tempoh Promosi.

MEKANISMA

181. Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang Layak yang membayar jumlah ansuran bulanan pada atau sebelum tarikh akhir setiap bulan semasa tempoh Kemudahan akan layak untuk menerima pulangan tunai (“Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi”) yang dikira berpandukan formula berikut.

Formula: $\text{Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi} = \text{Peratus Pulangan Tunai} \times \text{Jumlah Faedah/Keuntungan atas Jumlah Pinjaman/Pembiayaan Peribadi}$.

182. Peratus Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan diberikan bergantung kepada Jumlah Pinjaman/Pembiayaan seperti yang ditentukan dalam jadual di bawah:

Jumlah Pinjaman/Pembiayaan (RM)	Peratus Pulangan Tunai
5,000 – 49,000	20%
50,000 – 99,000	35%
100,000 – 250,000	70%

Ilustrasi cara pengiraan Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi disediakan di bawah:

- A. Amaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi = RM10,000
Tempoh = 3 tahun
Kadar Faedah/Keuntungan = 12.5% setahun (p.a.)
Peratus Pulangan Tunai = 20%

Jumlah Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi untuk diberikan di bawah Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi
= 20% x (RM10,000 x 12.5% setahun x 3 tahun)
= 20% x RM3,750
= RM750

- B. Amaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi = RM150,000
Tempoh = 5 tahun
Kadar Faedah/Keuntungan = 9% setahun (p.a.) Peratusan Pulangan Tunai = 70%

Jumlah Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi untuk diberikan di bawah Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi
= 70% x (RM150,000 x 9% setahun. x 5 tahun)
= 70% x RM67,500
= RM47,250

Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan dimaklumkan melalui surat jika mereka berkecualan untuk Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi

183. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan dibayar secara bulanan dan Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan yang pertama (1) akan dibayar selepas bulan ketujuh (ke-7) ansuran bulanan dibayar oleh Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang terakhir akan dibayar enam (6) bulan sebelum bayaran ansuran terakhir kemudahan itu dibuat oleh Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi apabila dibundarkan kepada Satu Ringgit Malaysia (RM1) akan dikreditkan ke dalam akaun aktif dan sah Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi satu (1) hari selepas tamat tarikh ansuran bulanan. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan diambil kira sebagai bayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
184. Menjadi tanggung jawab Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi untuk memaklumkan HLB/HLISB dalam bentuk tulisan tidak lewat dari satu (1) bulan daripada tarikh tamat tempoh ansuran bulanan bulan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan-bulan seterusnya jika Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian bulanan tidak diterima, jika gagal Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian daripada HLB/HLISB dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan oleh HLB/HLISB.
185. Kelayakan Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi bagi Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian akan dibatalkan dan bayaran Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Dalam Talian selebihnya akan dihentikan serta merta apabila berlaku keadaan berikut:
- (a) Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi gagal membuat ansuran bulanan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi pada tarikh tamat tempoh, atau sejumlah wang lain berikutan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi apabila dituntut oleh HLB/HLISB; atau
 - (b) notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi sebelum tempoh matang Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi; atau
 - (c) Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang terikat, atau disyaki terlibat dalam penipuan atau salah laku yang berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi.

PROMOSI PINJAMAN/PEMBIAYAAN HARTANAH

KELAYAKAN

186. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Hartanah (“Promosi Pinjaman/Pembiayaan Hartanah”) adalah terbuka kepada pemegang akaun **pinjaman/pembiayaan hartanah** HLB/HLISB individu warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia sama ada baru atau sedia ada (“Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah”) yang memohon kemudahan baru di bawah pinjaman/pembiayaan terpilih yang disenaraikan di bawah (“Kemudahan Penyertaan”) dengan jumlah minimum kemudahan Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) hanya semasa Tempoh Promosi dan menerima Kemudahan Penyertaan dengan menandatangani Surat Tawaran pada atau sebelum 30 Ogos 2017 (“Tarikh Penerimaan”);-
- (a) Pinjaman Hartanah/Kedai Hong Leong
 - (b) Pinjaman “Mortgage Plus” Hartanah/Kedai Hong Leong; atau
 - (c) Pembiayaan Hartanah-i “CM Flexi” Hong Leong (Pembiayaan Hartanah/Kedai)
- (“Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak”)
187. Kemudahan Penyertaan dibolehkan untuk pembiayaan serta pembiayaan semula (hartanah kediaman atau bukan kediaman sama ada siap atau dalam pembinaan)
188. Bagi mengelakkan keraguan, individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi Pinjaman/Pembiayaan Hartanah ini:
- (a) Pekerja tetap atau kontrak Hong Leong Group (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan); dan/atau
 - (b) Pekerja HLB atau HLISB, sama ada atas dasar tetap atau kontrak, wakil atau ejen kepada pekerja HLB atau HLISB (termasuk juruaudit luaran, peniaga, pembekal, ejen pengiklanan dan Promosi) dan ahli keluarga mereka terdekat (pasangan, anak, ibu bapa, abang atau kakak); dan/atau
 - (c) Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan yang salah dan melanggar undang-undang berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh HLB atau telah diisytihar muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding muflis pada bila-bila waktu sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
189. Menjadi tanggungjawab Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah untuk menyediakan semua dokumen yang diperlukan oleh HLB/HLISB supaya HLB/HLISB dapat meluluskan Kemudahan Penyertaan. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kejadian yang menyebabkan Kemudahan Penyertaan ditolak atau Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah tidak dapat menerima Surat Tawaran yang berkenaan pada atau sebelum 30 Ogos 2017, disebabkan apa-apa perkara (termasuk tapi tidak dihadkan kepada dokumen yang tidak mencukupi untuk kelulusan Kemudahan Penyertaan)

MEKANISMA

190. Pulangan Tunai 0.70% daripada jumlah kemudahan akan diberikan kepada Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak ketika pembayaran pertama daripada mana-mana bahagian kemudahan yang berkenaan (dirujuk secara kolektif sebagai “Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah”)

Ilustrasi pengiraan Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah seperti di bawah: Jumlah Pembiayaan	RM500,000
Peratus Pulangan Tunai	0.70%
Bayaran Pulangan Tunai ketika bayaran pertama	RM500,000 x 0,70% = RM3,500

Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak akan diberitahu melalui SMS ketika Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah dikreditkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan HLB/HLISB.

191. Ketika pembayaran pertama pinjaman/pembiayaan, Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan HLB/HLISB Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pembayaran pertama. Sekiranya Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah tidak diterima, Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak akan memberitahu HLB/HLISB dalam bentuk bertulis dalam masa 15 hari selepas 1 bulan daripada tarikh pembayaran pertama, kegagalan berbuat sedemikian akan menyebabkan Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah dan sebarang rayuan untuk pembayaran Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah tidak akan dilayan oleh HLB/HLISB.
192. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya permohonan bersama, Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak hanya akan layak untuk satu (1) kali Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang akan dikreditkan ke dalam akaun semasa dan akaun simpanan bersama HLB/HLISB
193. Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga dan tidak akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman/pembiayaan.

PROMOSI PINJAMAN/PEMBIAYAAN AUTO

KELAYAKAN

194. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Auto terbuka kepada semua pelanggan individu dan bukan individu HLB/HLISB yang permohonan baru bagi Pinjaman/Pembiayaan Auto Hong Leong (HLAL/F) diterima oleh Cawangan HLB/HLISB dan Pusat Pinjaman Auto HLB dalam Tempoh Promosi ("Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto") HLAL/F perlu dibiaya pada atau sebelum 31 Julai 2017 ("Tarikh Pembiayaan") Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto yang telah dibiayai oleh HLAL/F pada atau sebelum Tarikh Pembiayaan berkelayakan untuk menyertai Promosi Pinjaman/Pembiayaan Auto ini ("Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto")

MEKANISMA

Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Auto akan menerima rebat sebanyak 7% bagi faedah/keuntungan pada tujuh (7) bulan pertama yang dihadkan pada RM100 setiap Akaun ("Rebat Pinjaman/Pembiayaan Auto")

Contoh:

Amaun Pinjaman/Pembiayaan	RM100,000
Kadar Faedah/Keuntungan	3% setahun. rata
Faedah/Keuntungan Setahun	RM100,000 x 3% = RM3,000
Faedah/Keuntungan Tujuh Bulan	(RM3,000/12) x 7 bulan = RM1,750
7% rebat pada faedah/keuntungan 7 bulan pertama	RM122.50
Rebat Akaun Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto	RM100.00 (kerana rebat dihadkan pada maksima RM100.00)

195. Bayaran Rebate Pinjaman/Pembiayaan Auto akan dikreditkan kepada akaun Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Auto HLAL/F dalam tempoh 45 hari daripada tamat tarikh ansuran ke-7 dan akan tertera di sistem HLB/HLISB sebagai bayaran pendahuluan.

196. Akaun HLAL/F hendaklah kekal aktif semasa Rebat Pinjaman/Pembiayaan Auto dikreditkan contoh. tiada tunggakan dalam ansuran bagi kesemua 7 bulan dan tiada penyelesaian pinjaman/pembiayaan awal, jika gagal Rebat Pinjaman/Pembiayaan Auto akan terbatal.
197. Rebat Pinjaman/Pembiayaan Auto adalah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar ganti untuk tunai, cek atau dalam apa jua bentuk.
198. Ia menjadi tanggungjawab Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto untuk menyediakan dokumen yang berkenaan yang diperlukan oleh HLB/HLISB bagi membolehkan HLB/HLISB meluluskan HLAL/F. HLB/HLISB tidak akan bertanggung jawab jika HLAL/F ditolak permohonan atau tarikh pembiayaan ditunda atas sebab apa sekalipun, termasuk tapi tidak terhad kepada kekurangan dokumen yang disediakan oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto seperti yang diminta oleh HLB/HLISB untuk membiayai HLAL/F tepat pada masanya. Sebarang pertikaian yang berkaitan dengan penundaan tarikh atau penolakan permohonan HLAL/F tidak akan dilayan.

TAWARAN CAWANGAN : REBAT FAEDAH PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM HONG LEONG (“PROMOSI SMF”)

KELAYAKAN

199. Promosi SMF ini terbuka kepada pelanggan baru dan sedia ada HLB yang membuat permohonan baru untuk Kemudahan Pembiayaan Margin Saham HLB (“Fasiliti SMF”) semasa Tempoh Promosi dengan had pinjaman minimum RM100,000 (“Pelanggan SMF”)
200. Berikut adalah TIDAK layak untuk menyertai dalam Promosi SMF ini:
 - (i) Pelanggan SMF yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan yang salah dan melanggar undang-undang berkaitan dengan fasiliti yang diberikan oleh HLB atau telah diisytihar mufliis atau tertakluk kepada sebarang prosiding mufliis pada bila-bila waktu sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
 - (ii) Pelanggan SMF yang telah melakukan atau ditentukan oleh HLB berpotensi melakukan apa-apa perbuatan salah yang dinyatakan di sini.
 - (iii) Pelanggan SMF yang membuat permohonan baru untuk fasiliti SMF untuk membeli saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dan Saham Terbitan Awam (IPO)
 - (iv) Pelanggan SMF sedia ada yang mempunyai Akaun Pembiayaan Margin Saham (“Akaun SMF”) sebelum Tempoh Promosi yang telah membuat permohonan baru untuk peningkatan jumlah Kemudahan semasa Tempoh Promosi.
 - (v) Pelanggan SMF sedia ada yang telah menutup Akaun SMF sebelumnya dan telah memohon untuk membuka Akaun SMF baru di bawah Promosi SMF ini dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh penutupan.

MEKANISMA

201. Pelanggan SMF yang memohon untuk Fasiliti SMF semasa Tempoh Promosi dan menerima Fasiliti SMF sebelum atau pada 31 Ogos 2017 (“Pelanggan SMF yang Layak”) akan berkelayakan untuk 70% rebat faedah untuk 7 bulan pertama (“Rebat SMF”)
202. Rebat SMF dihadkan pada RM700 kepada setiap seorang Pelanggan SMF yang Layak
203. Rebat SMF untuk setiap bulan akan dibayar ke dalam Akaun Fasiliti Pelanggan SMF yang Layak setiap hujung bulan berikutnya. Jumlah rebat akan dinyatakan dalam penyata bulanan Akaun SMF.
204. Rebat faedah bulanan SMF hanya akan dibayar sekiranya jumlah Rebat SMF telah melebihi atau bersamaan RM5.
205. Berikut adalah ilustrasi kiraan rebat faedah bulanan untuk tujuh (7) bulan pertama daripada Tarikh Penerimaan Kemudahan iaitu pada atau sebelum 31 Ogos 2017:

Tarikh Penerimaan Jualan : 18 Julai 2017	Caj Faedah (RM)	Rebat Faedah (%)	Rebat Faedah (RM)	Kelayakan	Jumlah Bayaran (RM)
Bulan 1: 18-31 Jul 17	0.00	70%	0.00	Tidak	0.00
Bulan 2: 1-31 Ogos 17	7.00	70%	4.90	Tidak	0.00
Bulan 3: 1-30 Sep 17	400.00	70%	280.00	Ya	280.00
Bulan 4: 1- 31 Okt 17	500.00	70%	350.00	Ya	350.00
Bulan 5: 1- 30 Nov 17	500.00	70%	350.00	Ya <i>(Dihadkan pada bayaran maksimum RM700)</i>	70.00
Bulan 6: 1- 31 Dis 17	500.00	70%	350.00	Tidak	0
Bulan 7: 1- 31 Jan 18	500.00	70%	350.00	Tidak	0
Jumlah Rebat yang Diperolehi			700.00		

UMUM

206. Pelanggan FD/-i Dalam Talian yang Layak, Pelanggan IBG/Pindahan Segera yang Layak, Pelanggan Pinjaman/Kemudahan Peribadi yang Layak (termasuk Pelanggan Dalam Talian yang Disenarai Pendek), Pemegang Akaun Bonus Faedah/Keuntungan yang Layak, Pemegang Kad Debit, Pemegang Kad HLB, Pemegang Kad Kredit yang Layak, Pelanggan FD/-i yang Layak, Pelanggan "PowerLink: yang Layak, Pelanggan Banca yang Layak, Pemohon Kad Kredit yang Layak, Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah yang Layak, Pelanggan yang Layak Pinjaman/Pembiayaan Auto, Pelanggan Pinjaman/Kemudahan yang Layak, Pelanggan SMF yang Layak, Peserta yang Layak dan Pelanggan TT yang Layak adalah dikenali secara kolektif sebagai "Pelanggan").

Promosi Kadar eFD / eFD-i, Pelepasan Fi, Pulangan Tunai Pinjaman/Kemudahan Peribadi, Bonus Faedah/Keuntungan, Pulangan Tunai, Tebusan Grab, Hadiah Kad Kredit, Pulangan Tunai Dalam Talian, Promosi UT kadar FD, Promosi Faedah FD Banca, Pulangan Tunai Pinjaman/Pembiayaan Hartanah, Pulangan Tunai Pinjaman/Kemudahan Peribadi, Rebat Pinjaman/Pembiayaan Auto, Rebat SMF, Promosi Kadar FD/-i, dan Tawaran Kiriman Wang adalah dikenali secara kolektif sebagai ("Hadiah").

iPhone 7 dan Ganjaran FD adalah dikenali secara kolektif sebagai ("Ganjaran")

Promosi FD/-i, Dalam Talian, Promosi IBG Kos Sifar & Pindahan Segera, Promosi Pinjaman/Kemudahan Peribadi Dalam Talian (termasuk Peraduan Hadiah iPhone), Promosi Bonus Faedah/Keuntungan, Promosi Pulangan Tunai, Promosi Grab, Promosi FD/-i, Promosi Pulangan Tunai Beli-Belah Dalam Talian, Promosi Saham Amanah, Promosi Banca, Promosi Kad Kredit, Promosi Pinjaman/Kemudahan Peribadi, Promosi Pinjaman/Pembiayaan Auto, Promosi Pinjaman/Pembiayaan Hartanah, Promosi SMF, Peraduan dan Promosi TT adalah dikenali secara kolektif sebagai "Promosi" dan setiap satunya sebagai "setiap Promosi"

207. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan:
- (i) bersetuju telah membaca, memahami dan tertakluk kepada T&S Promosi;
 - (ii) bersetuju keputusan HLB/HLISB ke atas semua perkara berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, dan terikat dengan semua Pelanggan perhubungan dan/atau rayuan untuk membantah dan mempertikaikan keputusan HLB/HLISB tidak akan dilayan;
 - (iii) bersetuju T&S di sini, Terma dan Syarat Umum Akaun HLB/HLISB, Borang Permohonan Kiriman Wang HLB yang mana berkaitan, dan lain-lain Terma & Syarat yang berkaitan

- dibaca sebagai satu Perjanjian dan sekiranya terdapat percanggahan, T&S khusus di sini akan digunakan sehingga batas percanggahan tersebut dan;
- (iv) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB"), laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("Laman Web HLISB") dan halaman "Facebook" Hong Leong secara berkala untuk memaparkan T&S dan peka dengan sebarang pertukaran dan perubahan pada T&S
 - (v) membenarkan HLB/HLISB untuk mendedahkan maklumat peribadi (iaitu nama, Nombor Kad Pengenalan dan butiran perhubungan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada Dynamic Search dan M3Tech bagi tujuan menjalankan dan memenuhi Promosi ini;
 - (vi) mengizinkan HLB/HLISB untuk mendedahkan atau menerbitkan nama dan nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terselindung) atau gambar di media, bahan pemasaran dan pengiklanan;
 - (vii) bersetuju sebarang pembalikan Belanja Dalam Talian yang Layak akan dikecualikan; dan
208. HLB/HLISB berhak:
- (i) menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada dalam bentuk menyeluruh atau sebahagiannya pada budi bicara mutlak, dengan cara pernyataan di Laman Web HLB/HLISB atau dalam apa-apa juga cara yang dianggap praktikal oleh HLB/HLISB;
 - (ii) untuk mengganti sebarang atau semua Hadiah/Ganjaran dengan produk alternatif yang sama nilai pada bila-bila masa sebelum pemberitahuan.
 - (iii)
 - (iv) menarik semula Hadiah/Ganjaran ketika berlaku perkara yang tidak mematuhi T&S di sini.
 - (v) untuk menarik semula Hadiah/Ganjaran ketika berlakunya pembalikan Belanja Dalam Talian yang Layak, pelupusan Kad Kredit HLB atas apa sebab sekalipun semasa Tempoh Promosi atau ketidak patuhan kepada terma dan syarat di sini.
209. Hadiah Kad Kredit adalah terhad kepada satu (1) untuk seorang pemohon baru atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada ketersediaan stok semasa Tempoh Promosi dan tertakluk kepada terma dan syarat setiap Promosi
210. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan yang salah dan melanggar undang-undang berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh HLB atau telah diisytihar muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding muflis pada bila-bila waktu sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak untuk menyertai mana-mana Promosi dan/atau TIDAK layak untuk menerima Hadiah dan/atau Ganjaran.
211. Pelanggan adalah bertanggungjawab dan menanggung secara peribadi segala cukai yang berkenaan, fi kerajaan, semua kos yang melibatkan penghantaran dan pemasangan atau sebarang caj yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi dan/atau kutipan Hadiah/Ganjaran.
212. HLB/HLISB tidak akan menanggung dan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam transmisi transaksi jualan oleh "Visa International Incorporated/MasterCard Worldwide", penubuhan peniaga, pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pelanggan ditinggalkan daripada Promosi di sini;
213. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab dan HLB/HLISB tidak mempunyai kuasa ke atas kegagalan rangkaian atau hubungan internet dan/atau gangguan dan/atau kesesakan trafik pada pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi ("Telco") atau apa-apa sebab lain semasa proses melakukan transaksi berkaitan dengan Promosi di sini (termasuk tetapi tidak terhad kepada Transaksi TT), yang mungkin menyebabkan kelewatan transaksi yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Transaksi TT) yang dilakukan ketika Tempoh Promosi.
214. Akaun Pelanggan mestilah sah/aktif, dalam kedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana

terma dan syarat Promosi ini dan/atau Perjanjian Pemegang Kad pada sepanjang masa.

215. Hadiah dan/atau Ganjaran akan disediakan atas dasar “seperti demikian”. Hadiah/Ganjaran yang ditayangkan dalam semua bahan cetakan dan/atau laman web adalah bertujuan untuk ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori dan peralatan yang ditayangkan bersama Hadiah dan/atau Ganjaran dalam bahan bergambar adalah bertujuan untuk dekorasi sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Hadiah dan/atau Ganjaran.
216. HLB/HLISB tidak memberi sebarang perwakilan atau waranti berkenaan dengan kualiti dan kesesuaian Hadiah dan/atau Ganjaran dan tidak bertanggungjawab untuk mengganti sebarang kehilangan, kecurian atau kerosakan Gadhah dan/atau Ganjaran (sama ada disebabkan kecacatan pada bahan atau mutu kerja pengeluar di bawah waranti atau sebaliknya). Pelanggan akan berurusan secara langsung dengan peniaga dan/atau pengeluar yang berkenaan untuk semua maklumat waranti dan tuntutan tanpa sebarang rekursa kepada HLB/HLISB.
217. Hadiah/Ganjaran tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukarkan kepada tunai pendahuluan, kredit, cek atau sebarang bentuk lain.
218. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini berbanding sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Promosi, T&S terakhir dalam Laman Web HLB/HLISB akan kekal.
219. Tambahan daripada terma yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju dengan terma dan syarat umum di dalam Perjanjian Pemegang Kad, Perjanjian Pembiayaan Saham, Kontrak Insurans, Terma dan Syarat Umum Akaun/Kad Debit/Connect/Pinjaman/Pembiayaan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah /Peribadi, Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang/Simpanan Tetap/-i Hong Leong, Akaun Semasa dan Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) atau terma dan syarat berkaitan yang Bank boleh menentukan pada satu-satu masa adalah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini berbanding dengan terma dan syarat umum yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, Perjanjian Pembiayaan Saham, Terma dan Syarat Umum Akaun/Kad Debit/Connect/ Pinjaman/Pembiayaan Hartanah /Peribadi, Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang/Simpanan Tetap/-i Hong Leong, Akaun Semasa dan Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), terma yang ditentukan di atas akan kekal sehingga batas percanggahan tersebut.
220. T&S di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk menunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
221. Perkataan yang menunjukkan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menunjukkan makna satu merangkumi makna banyak begitu juga sebaliknya.

Deposit/Deposit-i and Produk Insurans yang Layak Jaminan oleh PIDM.

Lampiran 1 – Senarai Pelaburan Terpilih (Kod)	Nama Dana	Jenis Aset
AM01	AmAsia-Pacific Property Equities	Equity
AM02	AmGlobal Property Eq	Ekuiti
AM10	AmPrecious Metal	Ekuiti
AM25	AMASIA PACIFIC REITS	Ekuiti
AM30	AmAsia Pacific Equity Income	Ekuiti
AM33	AmAsia Pacific REITs Plus	Ekuiti
CIMB01	CIMB-Principal Global Titans	Ekuiti
CIMB03	CIMB Islamic Asia Pacific Equity	Ekuiti
CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity	Ekuiti
CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq	Ekuiti
CIMB12	CIMB Islamic Balanced	Aset Campuran
CIMB13	CIMB Islamic DALI Equity	Ekuiti
CIMB15	CIMB-Principal Balanced Income	Aset Campuran
CIMB17	CIMB-Principal Equity Growth & Income	Ekuiti
CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc	Ekuiti
CIMB31	CIMB Islamic Equity Aggressive	Ekuiti
HLG01	Hong Leong Growth	Ekuiti
HLG02	Hong Leong Penny Stock	Ekuiti
HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector	Ekuiti
HLG09	Hong Leong Dana Makmur	Ekuiti
HLG11	Hong Leong Balanced	Aset Campuran
HLG12	Hong Leong Dana Maarof	Aset Campuran
HLG14	Hong Leong Dividend	Ekuiti
HLG15	Hong Leong Strategic	Ekuiti
HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer	Ekuiti
HLG40	Hong Leong Regular Income	Pendapatan
HWA01	Affin Hwang Select Opportunity	Ekuiti
HWA02	Affin Hwang Aiiman Growth	Ekuiti
HWA03	Affin Hwang Select Balanced	Aset Campuran
HWA11	Affin Hwang Sel AsaPac exJpn REITs&Infra	Ekuiti
HWA18	Affin Hwang Select Dividend	Ekuiti
HWA19	Affin Hwang Select Asia (ex Jpn) Quantum	Ekuiti
HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opp	Ekuiti
HWA27	Affin Hwang China Growth	Ekuiti
OSK23	RHB Big Cap China Enterprise	Ekuiti
OSK24	RHB Asian Growth Opportunities	Ekuiti
OSK31	RHB Gold and General	Ekuiti
OSK34	RHB US Focus Equity	Ekuiti
OSK40	RHB Multi Asset Regular Income	Aset Campuran
RHB42	RHB-GS US Equity	Ekuiti
OSK43	RHB Asian Income	Pendapatan
PRU02	Eastspring Investments Growth	Ekuiti
PRU03	Eastspring Investments Balanced	Aset Campuran
PRU05	Eastspring Investments dana	Ekuiti

	al-ilham	
PRU10	Eastspring Investments Equity Income	Ekuiti
PRU11	Eastspring Investments Global Leaders MY	Ekuiti
PRU23	Eastspring Investments MY Focus	Ekuiti
PRU26	Eastspring Inv Global Emerging Markets	Ekuiti
PRU30	Eastspring Investments ASEAN al-Adiil	Aset Campuran